

Dukacita kes curi tabung masjid

2

Sidang niaga sasar transaksi RM7 bilion

6

Selangor Advance biaya PKS RM1.1 bilion

8

Kesan 215 aktiviti sampah haram

7

selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 27 JUN - 3 JULAI 2024

www.selangorkini.my

Sultan murka hukuman MFL

Hukuman terhadap Selangor FC tidak masuk akal dan berlebihan serta dibuat tanpa ihsan, tidak bertanggungjawab, tidak berperikemanusiaan selain tidak pamer keprihatinan dalam isu kezaliman kepada pemain

MUKA 2

Puchong nadi Lembah Klang Raya

Jadi titik tengah Lembah Klang Raya yang gabungkan Petaling Jaya, Subang Jaya, Shah Alam dan Klang, kawasan itu dijangka berkembang pesat dengan pelbagai kemudahan rakyat yang dinaik taraf

MUKA 4



Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah berkenan mendengar taklimat laluan ketika pelancaran bas elektrik percuma di ibu pejabat Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) pada 20 Jun 2024. Hadir sama, EXCO negeri Dr Mohammad Fahmi Ngah (dua, kanan), Jamaliah Jamaluddin (kanan) dan Datuk Bandar Petaling Jaya Mohamad Zahri Samingon. Foto REMY ARIFIN > BERITA MUKA 7

pancawarna

Makanan tercemar meragut nyawa

Kes keracunan di Gombak akibat masakan berubah rupa dek bakteria



9

Hindari penceramah tanpa sumber sahih

Ilmuwan perlu tegur penceramah suap maklumat salah kepada khalayak



11

Lantang suarakan pendirian

Lali dituduh 'liberal', Sharifah Amani bijak nilai kritikan baiki mutu lakonan



10

Undang kemarahan penyokong bola

SHAH ALAM - Hukuman Liga Bolasepak Malaysia (MFL) terhadap Selangor FC mengundang kemarahan dan kekecewaan penyokong pasukan tersebut, kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Katanya, reaksi itu harus menjadi isyarat kepada MFL bahawa keputusan terhadap Red Giants ekoran tidak hadir perlawanan Piala Sumbangsih dibuat tanpa sebarang rasa bertanggungjawab.

Menjadi pengurus pasukan tersebut pada 2015 dan 2016, beliau berkata MFL wajar memainkan peranan mengangkat keadilan, menentang keganasan serta empati terhadap keselamatan pemain.

"Keganasan jenayah yang berlaku terhadap tonggak bola sepak negeri Faisal Halim merupakan titik hitam dalam sejarah bola sepak tanah air," katanya dalam kenyataan pada 26 Jun.

Amirudin juga menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor yang murka terhadap MFL, seolah-olah hilang sifat kemanusiaan, tidak bertimbang rasa dan melampaui batas.

Usaha kumpul dana bayar denda

SHAH ALAM - Selangor melancarkan usaha bersama bagi memberi peluang semua pihak termasuk penyokong Red Giants mengumpul dana membayar denda kepada Liga Bolasepak Malaysia (MFL).

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan maklumat lanjut berkaitan hal itu akan dikongsi Majlis Sukan Negeri dan EXCO sukan dalam masa terdekat.

"Bagi menggerakkan usaha solidariti ini, saya dan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri akan turut menyumbang kepada usaha mengumpul dana dan membayar denda minggu hadapan.

"(Ini) sebagai komitmen menegakkan keadilan bagi Selangor FC," katanya dalam kenyataan menjunjung titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj pada 26 Jun.

Dukacita kes curi tabung masjid

SHAH ALAM - Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor menzahirkan rasa dukacita terhadap kejadian kecurian tabung masjid di Masjid Tengku Ampuan Jemaah, Bukit Jelutong di sini baru-baru ini.

Selangor Royal Office dalam kenyataan di Facebook memaklumkan Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj juga amat murka terhadap individu yang tergamak melakukan perbuatan terkutuk itu.

"Baginda amat murka dengan

pelaku berkenaan yang tergamak mencuri duit tabung masjid hasil sumbangan dan sedekah orang ramai, yang bertujuan untuk kesejahteraan umat Islam di kariah berkenaan.

"Baginda mengingatkan bahawa perbuatan mencuri adalah perbuatan keji dan merupakan satu dosa besar khususnya apabila melibatkan kebajikan untuk golongan kurang berkemampuan seperti asnaf dan anak-anak yatim," menurut kenyataan itu pada 25 Jun.

Dalam kenyataan sama, Sultan Sharafuddin turut menzahirkan kekecewaan terhadap pengurusan jawatankuasa masjid yang tidak melaporkan kejadian berkenaan secara rasmi kepada Jabatan Agama Islam Selangor (Jais).

Titah Baginda, ahli jawatankuasa masjid perlu mengambil langkah pencegahan awal yang lebih berkesan seperti mengetatkan kawalan keselamatan selain Baginda enggan kelalaian seumpama berulang.

Tidak masuk akal, berlebihan

Murka hukuman MFL melampau

SHAH ALAM - Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj murka terhadap Liga Bolasepak Malaysia (MFL) yang menghukum Selangor FC secara berlebihan.

Menyifatkannya tidak masuk akal, Baginda menganggap keputusan tersebut dibuat tanpa ihsan, tidak bertanggungjawab, tidak berperikemanusiaan dan tidak prihatin terhadap kezaliman kepada pemain.

"Hukuman yang dijatuhkan iaitu denda RM100,000, pampasan kerugian ditanggung tuan rumah dan MFL, pemotongan tiga mata serta hukuman menjalankan perlawanan tanpa penonton tidak masuk akal dan berlebihan memandangkan kemenangan telahpun diberi kepada pasukan lawan," titah Baginda.

Baginda dalam kenyataan pada 26 Jun mengingatkan jenayah simbah asid menimpa pemain Selangor FC Faisal Halim manakala beberapa

pemain bola sepak lain turut diserang pada minggu sama awal Mei.

Baginda memberi perkenanan memohon perlawanan Piala Sumbangsih ditangguh ekoran pemain trauma dan ketakutan sebaliknya ia ditolak MFL yang memberi kemenangan kepada pasukan lawan.

Baginda yang terlibat dalam arena itu sejak 1968 hingga 1990 juga tidak pernah menyaksikan keganasan sedemikian hingga mencemar sukan sebagai alat menyatukan rakyat berbilang kaum.

"Lebih teruk lagi, MFL dan Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) langsung tidak serius bersuara dan mengambil

langkah berjaga-jaga yang perlu mengenai aspek keganasan dan kezaliman yang berlaku terhadap pemain," titah Baginda.

Baginda juga pelik kerana MFL dan FAM tidak menunjukkan simpati dan belas kasihan terhadap pihak yang teraniaya yang mengakibatkan situasi itu mencemar kredibiliti bola sepak negara.

"Beta kini hanya berperanan sebagai Penaung di dalam FAS. Namun jika Beta merupakan peneraju kepimpinan FAS dan Selangor FC, Beta tidak teragak-agak untuk menarik keluar pasukan Selangor dari Liga Super untuk tempoh masa tertentu.

"Tindakan melampau MFL langsung tidak melambangkan semangat ini dan hanya merosakkan imej industri bola sepak tempatan serta sokongan orang ramai terhadap sukan yang kita cintai ini," titah Baginda.



Sepakat derma ringan bayar denda

SHAH ALAM - Penyanyi dan komposer Altimet mahu menyumbang separuh kutipan royalti tahun ini bagi membayar denda Selangor FC yang dihukum ekoran tidak hadir perlawanan Piala Sumbangsih.

Pemilik nama sebenar Syed Ahmad Syed Abdul Rahman Alhadad yang juga wakil rakyat Lembah Jaya sedia berbuat demikian jika pasukan tersebut berniat untuk menerima tawaran tersebut.

"Saya akan sumbangkan separuh kutipan royalti harta intelek saya tahun ini untuk bantu bayar denda ini jika Selangor FC sudi," katanya di laman X sambil melampirkan pautan berita pada 25 Jun.

Pada hari sama, Ahli Dewan Negeri (ADN) Sungai Tawar Datuk Rizam Ismail dan ADN Kota Damansara Izuan

Kasim turut menyatakan kesediaan untuk menyumbang separuh gaji masing-masing.

"Seyogianya atas semangat solidariti bersama Selangor FC dan rakan-rakan, saya mengumumkan untuk menyumbang separuh gaji ADN bulan depan bagi membantu pasukan itu membiayai denda berkenaan," kata Rizam.

"Sebagai anak jati Selangor, saya sanggup sumbangkan separuh daripada gaji bulan depan untuk Selangor FC bagi membayar denda yang dikenakan kepada pasukan terbabit," kata Izuan pula.

Perkara sama turut dinyatakan penyelar Dewan Undangan Negeri (DUN) Batang Kali Saifuddin Shafi Muhammad demi membayar harga 'kezali-

man' yang dikenakan MFL ke atas skuad berkenaan.

"Saya dermakan separuh gaji bulan ini untuk Selangor FC, sebagai orang yang pernah bekerja rapat dengan pasukan itu sekitar 2015 ke 2016 bawah kendalian Dato' Seri Amirudin Shari.

Pada 25 Mei, Lembaga Pengarah Liga Bolasepak Malaysia (MFL) memutuskan Selangor FC didenda RM100,000 kerana tidak hadir melawankan JDT di Stadium Sultan Ibrahim pada 10 Mei.

Selangor FC juga dipotong tiga mata dalam Liga Super selain diarah membayar pampasan kepada JDT dan MFL serta beraksi tanpa penonton melawan JDT di Stadium Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

IMBAS DI SINI
akhbar digital minggu lepas

Preview of the digital newspaper 'Selangor' featuring headlines such as 'Sultan titah Jajaran Gombak-perpaduan k Klang siap 2027' and 'Tidak naik cukai yam'. A QR code is provided for digital access.

PKNS

Pilih Karnival MEGA

29 - 30 JUN 2024

SABTU 7 PG - 11 MLM & AHAD 7.30 PG - 6.30 PTG DATARAN KEMERDEKAAN SHAH ALAM

Pavilion PKNS | Konsert MEGA | Audio Siar Sketsa | Larian Santai 5km
Belon Udara Panas | Zumba | Pesta Makanan & Minuman
Trak Makanan & Gerai Selebriti | Aktiviti Kanak-kanak | Zoo Mini
Pameran Automotif | Cabutan Bertuah & Pelbagai Aktiviti Menarik

PENAMPILAN ISTIMEWA SELEBRITI TANAH AIR

Haziq AF | Syamsul Debat | Fara Fauzana | AG | Achey | Atu Zero



TOMOK



PRETTY UGLY



AMIR JAHARI



AMIR MASDI



JOHAN

☎ 03 5525 0300

pkns.gov.my

Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor
PKNS OFFICIAL

PKNS HOMES



Dengan Kerjasama Radio Rasmi

hotfm KOOL 101

Kerjasama demi potensi sukan

SHAH ALAM - Majlis Sukan Negeri (MSN) Selangor menjalin kerjasama dengan rakan strategik termasuk swasta dan anak syarikat negeri bagi membangunkan sukan berpotensi tinggi.

EXCO Sukan Najwan Halimi berkata inisiatif tersebut bagi memastikan pembangunan sukan negeri terus unggul dan tidak berdepan kekangan kewangan.

"Kita berusaha sedaya mungkin dan kita tidak jadikan ia satu masalah tetapi kita bekerjasama dengan rakan strategik khususnya swasta untuk mereka turut terlibat.

"Kita juga menjalin kerjasama dengan agensi Kerajaan Negeri seperti pihak berkuasa tempatan dan mereka turut bantu dalam persiapan dan menyokong persatuan sukan untuk jadi bapa angkat," katanya pada 24 Jun.

Najwan menambah pembangunan sukan Selangor memerlukan sekurang-kurangnya RM20 juta setahun bagi memajukan sukan berpotensi seperti hoki, ragbi, memanah dan menembak.

"Kerajaan Negeri sediakan RM8 juta setahun, secara relatifnya ia rendah. Tetapi ia bukan satu masalah kerana kita bekerjasama dengan rakan strategik khususnya swasta dan agensi Kerajaan Negeri," katanya.

Saringan kesihatan percuma 29-30 Jun

SHAH ALAM - Orang ramai berpeluang menjalani saringan kesihatan percuma meliputi dua Dewan Undangan Negeri (DUN) hujung bulan ini, kata EXCO Kesihatan Awam Jamaliah Jamaluddin.

Beliau memberitahu program yang dianjurkan pentadbiran negeri itu menawarkan pemeriksaan mata, telinga, gigi, jantung, buah pinggang, kencing manis, darah tinggi dan barah.

Katanya, orang awam disaran membuat prapendaftaran melalui Langkah Masuk Dengan Selamat (SELangkah) kerana penilaian faktor risiko setiap individu dibuat dalam aplikasi tersebut.

Mulai jam 9 pagi hingga 3 petang, program saringan di Pusat Khidmat Rakyat Penyelaras DUN Gombak Setia pada 29 Jun dan di Dewan Sri Jugra, Kuala Langat bagi DUN Banting sehari kemudian.

Sebelum ini, program sama berlangsung di DUN Bandar Utama dan Bukit Melawati.

Orang ramai boleh menghubungi Selcare melalui talian 1-800-226-600 jika mengalami masalah berkaitan pendaftaran.

Jais minta penjelasan Ustaz Don

SHAH ALAM - Penceramah Ustaz Don Daniyal Don Biyajid perlu mengemuka kenyataan bertulis kepada Majlis Agama Islam Selangor (Mais) berhubung fakta kuliah ceramah agama yang dibuat.

Keputusan selaras Peraturan 17 (b), (d) dan (f) Peraturan-Peraturan Tauliah (Negeri Selangor) 2008 itu supaya penggantungan atau penarikan semula tauliah tidak dikenakan kepada beliau.

Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) berkata pihaknya turut membuka satu kertas siasatan bawah Seksyen 7, Enakmen Jenayah Syariah (Selangor)

1995 berdasarkan aduan diterima.

"Jais amat berharap semua pihak di Selangor dapat bekerjasama dan akur untuk tidak mengundang atau membatalkan sesi ceramah atau apa jua bentuk pengajaran agama Islam melibatkan Ustaz Don.

"(Keputusan ini) sehingga Jawatankuasa Tauliah membuat keputusan mukamad tentang kedudukan beliau sebagai pemegang tauliah mengajar Mais," kata Dato' Mohd Shahzihan Ahmad dalam



kenyataan pada 25 Jun.

Pada 21 Jun, Jais mengarahkan semua agensi dan rumah ibadat menanggunkan atau tidak mengundang Ustaz Don Daniyal untuk mengajar atau apa-apa perkara berkaitan Islam di premis masing-masing.

Keputusan ini susulan isu pengajaran atau ceramah agama Islam disampaikannya disyaki melanggar beberapa ketetapan dalam Peraturan-Peraturan Tauliah (Negeri Selangor) 2008.

Bakal lengkap pelbagai kemudahan

Puchong nadi Lembah Klang Raya

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

SUBANG JAYA - Puchong yang menjadi titik tengah pembangunan Lembah Klang Raya bakal berkembang lebih pesat dengan pelbagai kemudahan rakyat.

EXCO Pelaburan Ng Sze Han berkata pembangunan tersebut seiring kelestarian alam sekitar yang menjamin kesejahteraan dan keseimbangan untuk kehidupan berdaya huni.

"Puchong akan jadi nadi kepada Lembah Klang Raya dan ini merupakan cabaran untuk kita sentiasa naik taraf dan sediakan kemudahan asas.

"Berbanding 20 tahun lalu, kita sudah lakukan banyak perubahan demi kepentingan rakyat. Kita kembangkan rangkaian pengangkutan dan akan datang kita suntik pelbagai lagi kemudahan," katanya pada 23 Jun.

Beliau yang merasmikan Festival Seni Komuniti Puchong (COART) di Taman Wawasan di sini berkata Puchong juga bakal memiliki kompleks sukan bertaraf antarabangsa bagi memudahkan penduduk beriadah.

"Kompleks ini lengkap dengan gelanggang futsal, bola keranjang dan trek jogging yang selamat. Harap semua kemudahan ini akan beri ke-selesaian dan generasi muda dapat

membina keluarga di sini," kata wakil rakyat Kinrara itu.

Lembah Klang Raya yang diumumkan menerusi belanjawan tahun ini dengan peruntukan RM2 juta menggabungkan Petaling Jaya, Subang Jaya, Shah Alam dan Klang.

Penggabungan ini berpotensi menjadi gagasan ekonomi utama Asia Tenggara dan mampu tersenarai antara lima lembah utama Asia sekiranya dapat dijayakan sepenuhnya.

Terdahulu, Sze Han berkata program menonjolkan seni budaya komuniti setempat selama dua hari itu dijangka menarik 8,000 peserta.

Kembang operasi litar bersepadu

SHAH ALAM - Syarikat pereka bentuk litar bersepadu (IC) terkemuka dunia Weeroc yang berpangkalan di Paris berminat mengembangkan operasi di Selangor.

Menurut kenyataan pada 15 Jun, mereka mahu menyertai projek taman reka bentuk litar bersepadu (IC) yang dimajukan Perbadanan Teknologi Maklumat Ekonomi Digital Selangor (Sidec).

"Kami berharap dapat meneroka pasaran aeroangkasa di rantau ini dan juga tempat lain. Nantikan perkem-

bangan lanjut kami," kata Weeroc di Facebook rasmi syarikat tersebut.

Mengulas perkembangan itu, EXCO Pelaburan Ng Sze Han memberitahu syarikat tersebut antaranya diasaskan Salleh Ahmad, rakyat Malaysia yang menetap di Perancis sejak lebih 20 tahun lalu.

"Semasa perbincangan, beliau memberitahu telah lama mencari peluang untuk pulang ke Malaysia. Beliau bermotivasi dengan inisiatif taman reka bentuk IC oleh Kerajaan Selangor.

"Salleh melihat ini peluang dan

masa sesuai untuk beliau pulang ke tanah air dengan kemahiran dan pengetahuan dalam reka bentuk IC," katanya pada 15 Jun di Facebook.

Taman reka bentuk IC dan pemacu semikonduktor Malaysia: Hab Selangor di Puchong yang beroperasi mulai bulan ini dijangka menjana pulangan ekonomi sehingga RM1 bilion.

Weeroc pula syarikat yang mereka dan mencipta IC serta peranti mikroelektronik untuk industri pengimejan perubatan, keselamatan dan angkasa lepas di seluruh dunia.

WAKTU SOLAT	27 JUN - 3 JULAI 2024 20-26 ZULHIJAH 1445	Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang							Klang dan Kuala Langat							Sabak Bernam dan Kuala Selangor						
		Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
27 Khamis	5:44	5:54	7:06	1:19	4:45	7:28	8:44	5:44	5:54	7:08	1:20	4:45	7:28	8:44	5:45	5:55	7:08	1:21	4:47	7:31	8:46	
28 Jumaat	5:44	5:54	7:07	1:19	4:45	7:28	8:44	5:45	5:55	7:08	1:20	4:45	7:28	8:44	5:45	5:55	7:08	1:22	4:47	7:31	8:46	
29 Sabtu	5:44	5:54	7:07	1:20	4:45	7:29	8:44	5:45	5:55	7:08	1:20	4:46	7:29	8:44	5:45	5:55	7:08	1:22	4:48	7:31	8:47	
30 Ahad	5:44	5:54	7:07	1:20	4:45	7:29	8:44	5:45	5:55	7:08	1:20	4:46	7:29	8:44	5:45	5:55	7:08	1:22	4:48	7:31	8:47	
01 Isnin	5:45	5:55	7:07	1:20	4:46	7:29	8:44	5:45	5:55	7:08	1:20	4:46	7:29	8:44	5:46	5:56	7:08	1:22	4:48	7:31	8:47	
02 Selasa	5:45	5:55	7:07	1:20	4:46	7:29	8:44	5:46	5:56	7:09	1:21	4:46	7:29	8:44	5:46	5:56	7:09	1:22	4:48	7:32	8:47	
03 Rabu	5:45	5:55	7:08	1:20	4:46	7:29	8:45	5:46	5:56	7:09	1:21	4:46	7:29	8:45	5:46	5:56	7:09	1:23	4:48	7:32	8:47	

SAMBUTAN ULANG TAHUN BANDARAYA PETALING JAYA KE-18

SABTU
29
JUN

> 8.00 mlm -
12.00 tgh mlm

> Laman MBPJ

* PERARAKAN

* PERSEMBAHAN ARTIS

* PERTUNJUKAN BUNGA API



BANDARAYA PETALING JAYA
BANDAR PALING BAHAGIA

PERARAKAN ULANG TAHUN BANDARAYA

- AGENSI KERAJAAN
- IPTS
- PERHOTELAN
- PUSAT PERUBATAN
- KOMUNITI PJ
- NGO
- SAHABAT MOTOR MBPJ
- BORNEO@PJKITA



*Semua
Dijemput
Hadir*



www.mbpj.gov.my

Majlis Bandaraya Petaling Jaya

[pjcitycouncil](#)

SIBS sasar transaksi RM7 bilion

SUBANG JAYA - Promosi berkesan yang dibuat Invest Selangor Berhad (Invest Selangor) berhasil berikutan Sidang Kemuncak Niaga Selangor (SIBS) menerima penyertaan tinggi dari negara luar.

EXCO Pelaburan Ng Sze Han memberitahu promosi giat dijalankan meliputi Indonesia, Thailand dan Vietnam bagi menjalin kerjasama memacu ekonomi.

"Sambutan menggalakkan. SIBS bukan hanya terima penyertaan dari luar negara tetapi juga banyak syarikat dan agensi tempatan.

"Jadi, tahun ini kita anjurkan dua kali supaya lebih ramai dapat sertai sekali gus memberi manfaat kepada sektor ekonomi," katanya pada 23 Jun.

Tahun ini, SIBS berlangsung pada Julai dan Oktober dengan sasaran transaksi pelaburan RM7 bilion.

Pendengaran MPAJ hingga 31 Julai

SHAH ALAM - Sesi pendengaran membatikan 12.34 peratus pemegang harta yang membantah nilai baharu pemilikan hartanah di Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) berlangsung sehingga 31 Julai.

Yang Dipertuannya Dr Ani Ahmad memberitahu sesi tersebut diadakan secara berperingkat bermula 24 Jun melibatkan 22,352 daripada 181,144 pemegang harta di kawasan pentadbiran MPAJ.

"Panggilan dan jemputan ke sesi mendengar bantahan dihantar melalui surat, e-mel dan sistem pesanan ringkas (SMS) kepada pemilih harta yang membuat bantahan.

"Pemilik harta yang menerima jemputan diminta membuat pengesahan kehadiran melalui pautan yang dilampirkan bersama jemputan kelak," katanya baru-baru ini.

PBT perlu kemuka rancangan naik taraf

SUBANG JAYA - Pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu menyediakan laporan perancangan kerja naik taraf dan perkhidmatan selepas melaksana kadar baharu cukai taksiran mulai 1 Januari 2025.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Subang Jaya Michelle Ng Mei Sze berkata langkah itu penting dalam memastikan penduduk cakna penambahbaikan yang diperolehi hasil penilaian semula cukai tersebut.

"PBT perlu ada perancangan teliti, contohnya dalam tempoh 100 hari selepas kenaikan cukai dibuat, apakah lima perkara yang akan dilaksanakan.

"Saya cadang Kerajaan Negeri satukan naratif perkara ini dan PBT perlu sediakan laporan perancangan yang bakal dilaksanakan di kawasan masing-masing," katanya pada 21 Jun.

Negeri anjur Sidang Halal 16 - 19 Okt

PETALING JAYA - Konvensyen Halal Antarabangsa Selangor (Selhac) dianjurkan sempena Sidang Kemuncak Perniagaan Antarabangsa Selangor (SIBS) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur mulai 16 hingga 19 Oktober.

EXCO agama Islam berkata konvensyen edisi ketiga bertema Merancang Ekosistem Halal dianjurkan bersekali dengan Ekspo Antarabangsa Selangor (Makanan dan Minuman).

Dr Mohammad Fahmi Ngah turut menjangkakan jumlah pengunjung tahun ini meningkat dua kali ganda berbanding 8,000 kehadiran yang direkod tahun lalu.

"Ini julung kali Selhac menyertai SIBS berbanding penganjuran secara bersendirian sebelum ini. Kita yakin jumlah pengunjung dapat dipertingkatkan lebih dari sebelum ini," katanya pada 25 Jun.

Dr Fahmi berkata Selhac kali ini menumpukan usaha mempercepat pensijilan halal bagi perusahaan kecil dan sederhana, mengoptimimum rantaian bekalan logistik serta membudaya inovasi digital halal.

"Tema ini menggariskan komitmen Selhac untuk memajukan lagi sektor halal melalui inovasi, pensijilan, dan logistik yang cekap.

"Ia juga menjadi platform perbincangan dan kerjasama dalam kalangan pemimpin industri, penggubal dasar, ahli akademik dan pihak berkepentingan," katanya.

Mula diperkenalkan pada 2022, Selhac yang berlangsung di Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC) dengan penyertaan lebih 200 pempamer merekodkan transaksi RM37.73 juta.

Tahun lalu, sidang terbabit berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur menyasarkan nilai padanan perniagaan sebanyak RM50 juta selain kehadiran lebih 8,000 pengunjung.

Libat empat PBT

Kemuka bantahan sehingga Julai

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) tidak membuat semakan kadar cukai taksiran sejak lebih 30 tahun.

Kali terakhir pada 1992, MBPJ tidak membuat sebarang kenaikan sejak 33 tahun manakala MBDK pula menggunakan kadar penilaian berusia 31 tahun iaitu sejak 1993.

Meski kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT) itu mahu menguat kuasa penilaian baharu mulai 1 Januari 2025, pemilik hartanah boleh membuat bantahan mengikut tarikh yang ditetapkan.

Bantahan terhadap MBPJ boleh dibuat pada atau sebelum 4 Julai dengan

cara mengimbas kod QR atau mengisi borang di laman sesawang PBT berkenaan.

Bantahan terhadap MBDK pula boleh dibuat menerusi laman sesawang, imbasan kod QR, e-mel atau hadir di kaunter Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta sebelum atau pada 16 Julai.

Sementara itu, Majlis Perbandaran Hulu Selangor menetapkan 1 Julai sebagai tarikh akhir untuk pemilik hartanah mengemukakan bantahan selepas kali terakhir semakan cukai pada 1997.

Pemilik hartanah bawah Majlis Perbandaran Hulu Selangor boleh mengemukakan bantahan nilai taksir-

an sehingga 5 Julai selepas kali terakhir semakan pada 1996.

Pada 30 Mei, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan proses penilaian baharu yang dijalankan PBT penting demi memastikan keberkesanan perancangan bandar.

Menegaskan rumah kos rendah tidak dikenakan kenaikan meski menerima notis itu, beliau berkata semakan tersebut bertujuan mengetahui nilai dan mutu perbandaran sesebuah kawasan.

Katanya, pentadbiran negeri juga akan meneliti pelbagai faktor sebelum memberi kebenaran kepada PBT untuk membuat kenaikan ataupun sebaliknya.

MPKL terima 1,600 bantahan cukai

SHAH ALAM - Sebanyak 1,628 bantahan kadar cukai taksiran baharu diterima Majlis Perbandaran Kuala Langkat (MPKL) setakat 19 Jun, kata pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Hartanya.

Menjelaskan proses itu berakhir pada 25 Jun, Lisawati Abd Karim memberitahu pemilik hartanah jenis kediaman paling ramai berbuat demikian.

"MPKL menghantar notis semakan kadar cukai taksiran kepada 106,093 pemilik hartanah dan buat masa ini menerima 1,628 bantahan sehingga semalam (19 Jun)," katanya.

Beliau berkata MPKL dijadual mengadakan sesi pendengaran secara berperingkat selama sebulan mulai 16

Julai hingga 19 Ogos bagi memberi peluang kepada mereka menyuarakan pandangan.

"Selesai sesi pendengaran, perkara ini dibawa ke jawatankuasa bantahan sebelum diputuskan Kerajaan Negeri pada September," kata beliau.

Bantahan boleh dibuat dengan mengimbas kod QR, e-mel jpph@mpkl.gov.my atau muat turun borang menerusi pautan mpkl.gov.my/sumber/muat-turun-borang/jabatan-penilaian-dan-pengurusan-harta/

MPKL tidak membuat semakan kadar cukai taksiran membabitkan tanah kosong, perumahan, kilang dan perniagaan selama 37 tahun sejak 1987.

Tujuh PBT lain juga tidak membuat

semakan antara 20 hingga 40 tahun lalu termasuk Majlis Perbandaran Kajang yang paling lama tidak menaikkan kadar itu selama 39 tahun sejak 1985.

Majlis Perbandaran Kuala Langkat (MPKL) pula tidak membuat proses tersebut selama 37 tahun sejak 1987 dan Majlis Perbandaran Selayang (MPS) 32 tahun sejak 1992.

Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) pula selama 32 tahun sejak 1992 bagi Subang Jaya dan Bandar Sunway manakala USJ, Puchong, Seri Kembangan dan Serdang selama 28 tahun sejak 1996.

Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dan Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) selama 27 tahun sejak 1997 manakala Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) 28 tahun sejak 1996.



Kemudahan sukan atas bangunan

SHAH ALAM - PKNS Real Estate Sdn Bhd (PREC) mempelawa peminat sukan pickleball dan bola jaring menggunakan kemudahan Arena A.T.A.S (Arena Track And Sport) di pusat beli-belah SACC.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Fakru Radzi Ab Ghani memberitahu gelanggang yang dibuka sejak bulan lalu terletak di aras bumbung pusat beli-belah berkenaan.

Beliau menjelaskan kadar sewaan satu gelanggang pickleball bermula RM30 sejam pada hari biasa dan hujung minggu (RM35) manakala gelanggang bola jaring antara RM60 hingga RM80.

"Kepada yang berminat, boleh imbas kod QR di poster dan panel LED sekitar bangunan tersebut," katanya dalam sidang media Kejohanan Pickleball Jemputan PREC 2024 di sini pada 22 Jun.

Menurut Fakru Radzi lagi, arena berkenaan turut menyediakan litar permainan kereta kawalan jauh yang beroperasi sejak 2018.

Siap turap dalam tempoh 24 jam

SHAH ALAM - Kerja turapan laluan rosak di B11 Jalan Puchong selesai dalam tempoh 24 jam hasil aduan orang ramai menerusi laman X.

Menurut syarikat penyelenggara jalan negeri Infracel Sdn Bhd (Infracel), kerja membaiki kerosakan laluan tersebut dibuat sejurus menerima laporan pada 19 Jun.

Syarikat itu juga meminta orang ramai untuk terus membuat aduan menerusi platform sama disertai tanda pagar #infracel #namajalan #daerah kerosakan jalan berlaku.

Orang ramai boleh terus membuat aduan dengan memuat naik ciapan bersama tanda pagar #INFRASEL #NamaJalan #Daerah (jika) berlaku kerosakan jalan raya.

RM5,000 bantu anak istimewa

SHAH ALAM - Lebih 2,600 permohonan Inisiatif Bantuan Khas Anak Istimewa Selangor (ANIS) diterima selepas tarikh tutup pada 31 Mei.

Menurut penolong pengurus komunikasi korporat Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS), semua kelayakan permohonan dinilai dan keutamaan diberi kepada yang memohon awal dan kurang mampu.

"Peningkatan jumlah permohonan berbanding tahun sebelumnya membuktikan ramai ibu bapa mulai sedar berhubung bantuan disalurkan Kerajaan Negeri ini.

"Kita hanya proses borang yang lengkap. Kerajaan Negeri menyediakan 1,000 kuota kepada ibu bapa yang layak pada tahun ini berbanding 500 tahun lalu," kata Sharizan Mohd Shari pada 19 Jun.

Semakan status permohonan bantuan sekali bayar dengan had maksimum sehingga RM5,000 boleh dibuat melalui pautan www.anisselangor.com/bantuananis

Selangor Advance biaya RM1.1 bilion

SHAH ALAM - Sejumlah RM1.1 bilion pembiayaan disedia bawah program Selangor Advance bagi membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS) sehingga 30 April lalu.

Pelaksana inisiatif berkenaan memaklumkan lebih 300 PKS membabitkan 17 industri menerima manfaat modal awal dan fasiliti kewangan yang ditawarkan Kerajaan Negeri.

Menurutnya, sebanyak RM1.132 juta pembiayaan diagih dengan 4,662 fasiliti diluluskan kepada PKS sejak inisiatif ini diperkenalkan pada 1 Julai 2020.

"Sebanyak 11,461 transaksi dibuat bagi mengekalkan kadar kegagalan bayaran terendah dalam industri pada 0.16 peratus sehingga April lalu.

"Selangor Advance menyediakan lapan produk pembiayaan Islamik yang direka khas untuk memenuhi keperluan syarikat PKS antaranya termasuklah surat sokongan, bon pelaksanaan, surat aku janji, surat kredit, kredit pusingan, pinjaman berjangka dan sewa beli perindustrian," menurutnya dalam kenyataan pada 21 Jun.

Selain itu, sistem pembiayaan Selangor Advance patuh syariah dan dirangka berlandaskan tawarruq atau komoditi murabahah dengan caj serendah satu peratus sebulan daripada nilai invoice.

"Sehingga kini terdapat lebih 46 rakan kongsi korporat menyertai Selangor Advance antaranya Pejabat

Setiausaha Selangor, Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan), Kumpulan Semesta Sdn Bhd dan KDEB Waste Management.

"Ini menunjukkan kepercayaan mereka kepada program Selangor Advance serta komitmen dan misi Kerajaan Negeri untuk membantu PKS," katanya.

Pada 22 Jun 2020, Kerajaan Negeri melaksanakan inisiatif pembiayaan tunai Selangor Advance dengan dana permulaan RM100 juta bagi membantu PKS ketika pascawabak Covid-19.

Kerajaan Negeri kemudiannya meneruskan program ini dengan menambah lagi peruntukan untuk digunakan sebagai modal pusingan bagi perniagaan dan kontrak di seluruh Malaysia.

Bina 13 kediaman, libat empat daerah

RM1 juta bina rumah Orang Asli

Oleh **SHEEDA FATHIL**

HULU SELANGOR - Peruntukan RM1 juta disediakan bagi membina rumah baharu Orang Asli meliputi empat daerah seluruh negeri pada tahun ini, kata EXCO Hal Ehwal Orang Asli V Papparaidu.

Beliau menjelaskan dana berkenaan cukup untuk menyiapkan 13 rumah melibatkan penduduk di Hulu Selangor, Hulu Langat, Sepang dan Kuala Langat bagi meningkatkan taraf kehidupan mereka.

Katanya, inisiatif berkenaan dijalankan dengan kerjasama Menteri Be-

sar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI pada setiap tahun melalui jumlah peruntukan sama.

"Enam daripada 13 rumah diserahkan kepada pemilik manakala bakinya dalam proses pembinaan dan kita akan serah kunci hujung tahun ini.

"Tujuan bina rumah ini bagi menjamin mereka boleh memiliki kediaman selamat dan selesa," katanya ditemui selepas majlis penyerahan kunci di Kampung Orang Asli Pertak di sini pada 23 Jun.

Papparaidu menambah rumah



berkenaan memiliki dua kategori iaitu dua bilik dan dua bilik air serta tiga bilik dan dua bilik air dengan anggaran harga bermula RM55,000 hingga RM85,000.

"Jumlahnya berbeza kerana mengambil kira beberapa aspek seperti akses ke rumah yang jalannya agak berliku jauh ke dalam hutan yang membabitkan kos tinggi.

"Program ini tidak terhenti setakat ini sebaliknya kita terus membantu bagi memastikan masyarakat Orang Asli tidak terpinggir dari arus pemodenan dan sentiasa disantuni," katanya.

Syukur terima rumah baharu, selesa

HULU SELANGOR - Dua keluarga Orang Asli di sini terharu atas pemberian rumah baharu sumbangan Kerajaan Negeri.

Penduduk Kampung Orang Asli Pertak Senah Ni, 51, yang membuat permohonan pada tahun lalu menganggap kediaman itu hadiah terbesar selepas sekian lama menetap di rumah usang.

"Kini rumah ada depan mata, macam tidak percaya. Syukur kerana nasib kami mendapat perhatian. Rumah ini rezeki yang sangat bernilai, terima kasih kepada semua pihak," katanya pada 23 Jun.

Perasaan sama dikongsi penduduk

Kampung Orang Asli Gurney Hanis Kaseh, 21, yang menganggap pemberian berkenaan sebagai rezeki buat dua anaknya yang berusia enam dan tujuh tahun.

"Sebelum ini, kami sekeluarga menumpang rumah ibu bapa saya. Kalau mahu bina rumah sendiri kami tidak mampu, suami hanya kerja kampung.

"Terima kasih Kerajaan Negeri kerana beri kami rumah yang selesa dan cantik. Semoga usaha ini berterusan dan lebih ramai Orang Asli dibantu," katanya.



Senah dan suami Amran Ta, 50, menerima rumah baharu bernilai RM85,000 berkecukupan 700 kaki persegi manakala kediaman Hanis dan suami Haris Othman seluas 400 kaki persegi bernilai RM55,000.

Majlis serahan kunci disempurnakan EXCO Hal Ehwal Orang Asli V Papparaidu dan disaksikan Ketua Pegawai Eksekutif Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) Saipolyazan M Yusop.

Setakat ini, enam buah rumah sudah diserahkan kepada penerima manakala bakinya masih dalam proses pembinaan dan dijangka kunci diberi hujung tahun ini.



Keracunan bawa maut

Oleh ABDUL RAHIM SABRI

Semua orang terdedah pada keracunan, di mana jua kita menikmati makanan. Jika seseorang tidak segera mendapat rawatan, keracunan ini boleh membawa maut.

Risiko ini mengintai kita di mana-mana: sekolah, kawasan rehat, jualan dalam talian atau kenduri kahwin. Kebanyakannya angkara bakteria *Salmonella* spp atau *Escherichia coli* (E coli).

Kematian kanak-kanak berusia dua tahun dan pelajar 17 tahun di Gombak awal bulan ini mengingatkan kita bahawa keracunan makanan bukan hanya rasa loya, sakit perut atau cirit-birit.

Mereka menjadi mangsa selepas menjamah sarapan bihun goreng dan telur mata yang disediakan untuk program di sebuah sekolah di Sungai Cincin pada 8 Jun lalu. Sementara 80 orang lagi terkesan dengan gejala itu.

Seorang wanita 54 tahun dari Johor dilaporkan meninggal dunia di hospital Kuala Terengganu pada 19 Disember lalu selepas dua hari mengambil makanan di kawasan rehat di Lebuh raya Pantai Timur.

Lebih menakutkan

Kira-kira 10 tahun lalu, lebih 270 orang yang hadir kenduri kahwin di sebuah kampung di Sungai Petani, Kedah mengalami keracunan selepas memakan ayam masak merah. Empat mangsa meninggal dunia.

Ketika keadaan paling kritikal, selepas tiga hari, 127 pesakit masing-masing mendapat rawatan di hospital Sungai Petani dan Yan. Sementara 18 lagi menerima rawatan di hospital Baling dan Sik.

Namun tidak semua keracunan yang melibatkan ramai orang menyebabkan kematian.

Kejadian di sebuah sekolah berasrama pada November 2021 tidak melibatkan kemasukan ke wad untuk rawatan lanjut (**lihat jadual**).

Lebih menakutkan, keracunan makanan boleh datang tanpa diduga. Seorang wanita muda meninggal dunia selepas bertarung nyawa selama 10 hari di unit rawatan rapi akibat kegagalan beberapa organ.

Mangsa dan keluarganya

dilaporkan mengambil puding buih yang dijual dalam talian pada 22 Mei 2020. Pada 1 Jun, EXCO kesihatan Terengganu mendedahkan ia berpunca daripada telur yang sudah tamat tarikh luput lebih dua minggu.

Kejadian di Gombak dan Kuala Muda-Yan akibat jangkitan *Salmonella*.

Bakteria ini juga penyebab insiden di Kupang selepas mangsa menikmati laksa pada 4 Oktober 2018. Selain dua meninggal dunia, 34 orang dirawat di Perak, 25 (Kedah) dan 24 (Selangor).

Bagaimana kita boleh mengenali punca-puncunya dan cara untuk mencegahnya?

Menurut portal MyHealth Kementerian Kesihatan Malaysia, E coli menyebabkan cirit-birit berdarah dan sakit perut yang teruk.

Malah kesan jangkitan boleh menyebabkan radang usus khususnya kanak-kanak dan warga tua.

Tempoh jangkitan kedua-dua bakteria ini, termasuk *Salmonella* spp, mengambil masa enam hingga 72 jam (tiga hari). E coli biasanya membawa kesan 10 hingga 15 jam, satu lagi 12 hingga 36 jam.

Salmonella spp

Makanan yang biasa dikaitkan dengan bakteria ini:

- daging ayam dan produk berasaskan ayam
- telur dan hasil telur
- susu dan hasil tenusu seperti keju, krim, kastard dan susu mentah

Cara rebakan:

- pencemaran silang daripada makanan dan daging mentah ke makanan yang dimasak
- pencemaran silang pengendali makanan daripada haiwan

Escherichia coli

Makanan biasa dikaitkan dengan bakteria ini:

- berasaskan daging seperti burger separuh masak
- keju
- cendol
- makanan segera
- minuman yang tercemar

Cara rebakan

- makanan tidak dimasak dengan sempurna
- air tercemar
- pencemaran dari daging mentah kepada yang dimasak



MANGSA TUJUH KES KERACUNAN MAKANAN

Tarikh Lokasi	Mangsa (orang)	Kematian (orang)
8 Jun 2024 sekolah Sungai Cincin, Gombak	82	2
16 atau 17 Dis 2023 kawasan rehat dan rawat, Kemaman	2	1
22 Nov 2021 sekolah berasrama, Seremban	152	-
22 Mei 2020 jualan dalam talian Kuala Terengganu dan Marang	99	1
24 Jun 2019 rumah terbuka, Mentakab	2	1
4 Okt 2018 gerai Kupang, Baling	83	2
28 Sept 2013 kenduri Tanjung Dawai, Kuala Muda - Yan	272	4

Sumber Laporan media

Cara pencegahan

- masak daging, ayam dan telur dengan sempurna (lebih 75° Celsius)
- elakkan makan daging atau stik mentah atau separa masak
- gunakan peralatan (pisau atau papan pemotong) berasingan untuk daging mentah dengan yang dimasak
- simpan makanan mentah dan yang dimasak dalam bekas berasingan
- cuci tangan selepas sentuh haiwan
- cuci tangan sebelum, semasa dan selepas kendalikan makanan

Lali dilabel 'liberal'

Oleh INTAN SYUHADA AKHIR

Alah bisa, tegal biasa. Pelakon Sharifah Amani sudah lali dituduh sebagai berfahaman 'liberal' sejak aktif dalam dunia lakonan kira-kira 19 tahun lepas.

Anak perempuan kepada Syed Zainal Rashid Al-Yahya baru setahun menamatkan zaman persekolahan semasa menerima kecaman hebat pertamanya.

Semua berpunca daripada keberaniannya melakonkan naskhah arahan Yasmin Ahmad yang dianggap provokatif terhadap nilai Islam negara ini, bermula filem Sepet (2005) diikuti Gubra (2006) dan Muallaf (2008).

Terkini, menerusi filem La Luna yang ditayangkan menerusi saluran penstriman Netflix sejak tahun lepas, nama Sharifah Amani sekali lagi mencuri perhatian.

Ekoran tayangan arahan M Raihan Halim itu, tular di media sosial kritikan golongan agamawan yang menuduh semua filem dilakonkan wanita itu pasti bersifat menghina agama dan menyebarkan fahaman 'liberal'.

"Saya faham, setiap keputusan yang saya lakukan, pasti akan ada sebab yang perlu ditanggung. Saya ambil masa juga untuk berdamai dengan trauma daripada kecaman lalu.

"Sebelum La Luna keluar, saya akui agak gementar. Saya enggan terpalit dengan perhatian yang tidak perlu.

"Saya hanya mahu melakonkan naskhah yang menimbulkan persoalan penting kepada masyarakat atau memberikan inspirasi kepada gadis muda.

"Jujurnya, saya fikirkan La Luna sebuah filem santai kerana masyarakat kita sudah lalui banyak perkara. Isu penunggang agama turut dilaporkan di muka depan akhbar. Lagi pula sudah dinyatakan had umur tontonan," katanya ketika ditemui Selangorkini, baru-baru ini.

Menyifatkan kecaman sebagai perkara biasa dalam industri seni, beliau menganggap kritikan diterima sebagai ujian daripada Allah SWT, sekali gus mendorongnya untuk sentiasa merendah diri.

Bagaimanapun, wanita berumur 37 tahun itu merasakan setiap kritikan perlu dinilai dan harus ditapis dengan bijak untuk memperbaiki mutu lakonannya.

"Kita boleh tahu sama ada ia datang daripada pengkritik filem yang profesional atau sekadar mahu meraih perhatian," katanya.

Mengimbau kembali detik dikecam kerana

membintangi filem Yasmin dekad 2000-an, pelakon wanita terbaik paling muda dalam sejarah Festival Filem Malaysia sering dilindungi oleh pengarah itu dan keluarganya.

Putar belit

Segar dalam ingatan adik kepada pelakon Sharifah Aleya itu, di sebalik penghinaan dilemparkan, ada penonton menangis menemuinya dan berterima kasih kerana filem Yasmin dilakonkannya menyentuh jiwa.

Namun, sejak pemergian Yasmin pada 2009, wanita yang lebih mesra disapa sebagai Nani, belajar mempertahankan pendiriannya sendiri.

Sekali gus menjadikan



beliau seorang yang lantang bersuara menyebabkan ada peminat menganggapnya keras kepala dan bersikap melawan.

Anak jati Kuala Lumpur itu berpandangan, sejak dahulu lagi, penggiat seni tanah air selalu menjadi mangsa keadaan dan motif pihak berkepentingan.

"Sebagai pengkarya, saya faham dan tahu mengapa sesebuah cerita itu dihasilkan.

"Namun sayangnya, ia selalu diputar belit. Anak seni hanya akan diingati bila dikutuk atau digunakan untuk perjalanan politik pihak tertentu.

"Saya masih ingat lagi macam mana arwah Yasmin semasa hayatnya dilabel pencemar budaya.

"Namun hari ini masuk sahaja musim perayaan, semua orang mencari iklan dan naskhahnya kerana dianggap filem berwajah Malaysia," katanya.

Bagaimanapun, Sharifah Amani masih menyimpan harapan supaya situasi berkenaan berubah dan anak seni di negara ini boleh berkarya dengan lebih baik pada masa depan.

Ceramah tanpa sanad



MARWAN BUKHARI A HAMID
ialah penulis dan penterjemah.
Lulusan Universiti Yarmouk,
Jordan dan Universiti
Sains Islam Malaysia

Di mata awam, orang yang berilmu agama adalah sesiapa yang menaiki mimbar!"
Demikian ujar seorang ulama pakar pelbagai bidang abad ke-15, Imam al-Suyuti dalam karangannya yang berjudul Tahdhir al-Khuwwas min Akadhib al-Qussas (Mewaspadai Kaum Budiman Daripada Pendustaan Penglipur Lara).

Ulasan al-Suyuti itu datang setelah beliau menukil teguran Imam Ibn al-Jawzi terhadap penglipur lara yang mendengar hadis palsu dan terus menceritakannya dalam keadaan tidak mengetahui kepalsuannya hingga memudaratkan orang ramai.

Malah menurut Ibn al-Jawzi yang juga ulama terbilang abad ke-12, sekumpulan pengarang yang tiada ilmu tentang periwayatan menghasilkan buku-buku pengajaran dan tafsir yang dipenuhi dengan riwayat yang batil.

Pertemuan antara penceramah bermasalah dengan khalayak yang tidak berpengetahuan menyebabkan khalayak yang keluar ceramah itu menobatkan penceramah sebagai ilmuwan.

Walhal, penceramah itu bukan ahli ilmu dan tidak menggunakan metodologi ilmu, malah kisah yang diceritakan itu pula palsu.

Setelah nukilan daripada Kitab al-Qussas wa al-Mudhakkirin (Buku Penglipur Lara dan Pentazkirah) itulah datang ulasan al-Suyuti bahawa ahli ilmu di mata awam ialah sesiapa sahaja yang berucap di mimbar ceramah.

Selain mereka berdua, banyak lagi ulama terkemuka kritikal dengan penceramah agama tidak bermutu. Hal ini menandakan bahawa sebahagian tugas penting kaum ilmuwan ialah menegur penceramah yang fasih tapi tiada isi ataupun menyuap isi tidak berkhasiat kepada khalayak.

Kembali kepada kritikan dinukilkan daripada dua ulama klasik sebentar tadi, ternyata ia menyentuh beberapa hal penting. Penceramah hendaklah mempersiapkan diri dengan ilmu sebelum terjun kepada masyarakat.

Penceramah tidak seharusnya sekadar membaca dan menyampaikan segala yang dibaca, malah perlu ada kemampuan untuk menyemak sumbernya. Semakan itu demi

memastikan kesahihan dan ketepatan fakta.

Justeru, pesanan tersebut lebih berkaitan dengan seruan agar mempersiapkan diri dengan ilmu yang membolehkan seseorang menyaring maklumat yang diperoleh. Paling tidak, penceramah perlu tahu karya-karya berkredibiliti yang selamat untuk digunakan dan dirujuk.

Jika dia sanggup mendalami bidang usul al-hadis hingga berkemampuan untuk membuat penilaian terhadap sesuatu riwayat yang ditemuinya, maka itu tentulah lebih baik.

Selain itu, kata-kata al-Suyuti itu juga menuntut masyarakat agar meningkatkan pengetahuan mereka sehingga boleh berfikir secara ilmiah. Jika masyarakat terpelajar dan kritis, tentulah penceramah lebih berhati-hati dan teliti sebelum berbicara.

Kemelut tafsiran

Namun, isu ini tidak terhad tentang rujukan dan status sesuatu sumber. Lebih daripada itu, ada kemelut kefahaman yang perlu ditangani.

Andainya penceramah menggunakan sumber diterima dan sahih, namun adakah kefahamannya juga sahih?

Dalam hal ini, kita melihat kepentingan untuk penceramah mempunyai ilmu tentang kaedah berinteraksi dengan nas-nas agama sama ada yang suci seperti al-Quran dan hadis. Dari sudut ini timbul kepentingan untuk mempelajari ilmu usul al-fiqah dan maqasid Syariah.

Dengan berbuat demikian, sekurang-kurangnya, penceramah boleh mempelajari kaedah ulama berinteraksi dengan nas-nas syarak.

Mereka akan menjadi lebih terbuka dan merendah diri kerana menghargai kehebatan ulama silam serta mengakui keluasan fiqah dan pemikiran Islam.

Mereka juga akan lebih bersedia untuk menghadapi pertanyaan pendengar terutamanya pada zaman terbuka yang serba canggih ini.

Jika tidak, tafsiran juga boleh terbabas walau tidak menggunakan sumber yang palsu. Kemelut tafsiran ini bukan suatu yang baharu,

malah sejak era klasik lagi ada dua kelompok bertentangan yang bermasalah.

Pertama, kelompok zahiriyyah yang terlalu literal hingga tidak mencabar kefahaman dan objektif sebenar nas agama.

Kedua, kelompok batiniyyah yang terlalu mengutamakan rahsia tersirat hingga menjadikan nas agama sekadar simbol yang ditafsirkan tanpa mengikut kaedah-kaedah utama syarak.

Imam al-Shatibi menyebut bahawa pendekatan majoriti umat Islam sejak generasi awal adalah bersifat pertengahan. Tidak terlampau literal dan tidak juga seperti batiniyyah.

Oleh sebab itulah, maka ulama Mesir, Yusuf al-Qaradawi mengarang *Thaqafah al-Da'iyah* (Ilmu Pendakwah). Ia laksana sebuah panduan membina pendakwah yang berilmu dan berpengetahuan luas.

Buku yang diterbitkan sejak 1976 itu menekankan agar pendakwah mempelajari enam bidang ilmu iaitu ilmu agama dengan pelbagai disiplin termasuk tafsir, hadis, fiqah, usul al-fiqah, akidah dan tasawuf. Seterusnya bidang sejarah, sastera dan bahasa, kemanusiaan, sains dan ehwal semasa.

Semua itu tentunya dengan kadar yang memadai, sementelah ditulis dalam konteks 1970-an. Penambahbaikan tentulah boleh diutarakan. Namun, rencana untuk mencekalkan pendakwah tetap bersifat malar segar.

Berceramah dan berdakwah hakikatnya adalah amanah. Sesiapa yang terlibat dalamnya hendaklah melaksanakannya dengan cara yang baik.

Ia termasuk meningkatkan mutu ilmu dan menghormati bidang ilmu tanpa bidang yang belum dipelajari.

Besar kepercayaan yang diberikan oleh khalayak kepada penceramah agama, justeru kepercayaan itu harus dibalas dengan meningkatkan mutu pengisian mereka.

Jika tidak, maka mungkin penceramah itu perlu diwaspadai sebagaimana pesanan tegas lagi bermakna yang disampaikan oleh al-Suyuti dan Ibn al-Jawzi.





Diiringi EXCO Warisan Borhan Aman Shah (tiga, kanan), Raja Muda Selangor berangkat meninjau tinggalan kapal korek Sri Banting, Dengkil pada 10 Mei ketika program di Sepang



Selepas meluncur bas elektrik percuma Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) pada 20 Jun, Tengku Amir Shah diiringi Rizam dan Datuk Bandar Mohamad Zahri Samingon meninjau dari dalam bas berkenaan



Raja Muda Selangor bersama Dato' Menteri Besar, EXCO Perpaduan Datuk Rizam Ismail dan Setiausaha Kerajaan Negeri Dato' Setia Haris Kasim selepas merasmikan logo di Kuala Kubu Bharu pada 22 Februari



Tengku Amir Shah menyampaikan sumbangan baik pulih rumah RM17,590 di Masjid Jamek Ar-Rahimah, Kuala Kubu Bharu pada 23 Februari. Empat asnaf di Hulu Selangor mendapat bantuan



Raja Muda Selangor mendengar penerangan ketika melawat pusat pemantauan maklumat banjir Jabatan Pengairan dan Saliran Selangor di Shah Alam pada 19 Jun



Tengku Amir Shah bersama peserta klinik bola sepak di Stadium Mini Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang pada 10 Mei menunjukkan solidariti untuk pemain kebangsaan dan Selangor FC Faisal Halim



Serumpun bak serai

Tengku Amir Shah menyembelih lembu dalam program ibadah korban pada hari raya ketiga Aidiladha, 19 Jun, selepas majlis perasmian Kompleks Pejabat Kerajaan di Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Petaling di Seksyen U5, Shah Alam

Berinduk bak ayam, rumpun bak serai, junjung bak sirih, itulah kita di nusantara — begitulah hasrat Kerajaan Negeri apabila menganjurkan Gagasan Rumpun Selangor tahun ini.

Dengan dana RM4.5 juta, program perpaduan ini bermula di daerah Hulu Selangor selama tiga pada 21 Februari dengan kehadiran Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah.

Baginda turut melancarkan logo rasmi Gagasan Rumpun Selangor selepas majlis perasmian program disempurnakan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari di Kuala Kubu Bharu pada 22 Februari.

Dijangka berakhir pada November depan, program itu berlangsung di Hulu Langat antara 24 hingga 26 April, Sepang (9 hingga 11 Mei) dan Petaling (19 hingga 21 Jun) dengan penyertaan pelbagai lapisan masyarakat.

Selain gambar daripada Facebook Selangor Royal Office, jurufoto MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN dan HAFIZ OTHMAN merakamkan sebahagian aktiviti Gagasan Rumpun Selangor di empat daerah berkenaan. Keterangan oleh HAFIZAN TAIB.



Budayawan Prof Dato' Setia Dr Abdul Mua'ti Ahmad (empat, kanan) menerangkan artifak kepada Raja Muda Selangor di Muzium Warisan Melayu Universiti Putra Malaysia, Serdang pada 21 Jun



Tengku Amir Shah turut bersama peserta menyertai lomba perahu naga Piala Raja Muda Selangor di jeti nelayan Sungai Besar, Sepang pada 11 Mei



Tengku Amir Shah ceria menyaksikan murid Sekolah Kebangsaan Taman Muda, Ampang Jaya menggelecek dalam klinik bola sepak ketika program di Hulu Langat pada 26 April



Remaja menyertai pertandingan futsal berkain pelekat dalam Karnival Perpaduan, sebahagian aktiviti program Gagasan Rumpun Selangor di Hulu Selangor pada 22 Februari



Raja Muda Selangor diiringi Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang Dato' Abd Hamid Hussain (tiga, kanan) mengadakan lawatan ke Kilang Agro Chip Kampung Bukit Bangkong pada 10 Mei



Tiga kanak-kanak seronok membalik dadu permainan dam ular gergasi semasa Karnival Perpaduan Rumpun Selangor di Kuala Kubu Bharu pada 22 Februari



Raja Muda Selangor melihat biji benih pelbagai varieti buah melon ketika lawatan ke kebun tanaman tersebut di Pandan Jaya, Hulu Langat pada 26 April



Orang ramai mengambil pelbagai juadah ketika rumah terbuka Aidilfitri di Institut Kemahiran Belia Negara Dusun Tua sempena program Rumpun Selangor peringkat Hulu Langat pada 25 April

“Black Muslims itu nama yang diberi media,” katanya. “Itu bukan nama yang sah. Nama sebenarnya ‘Islam.’ Maksudnya keamanan. Islam ialah satu agama dan ada 750 juta penganut di seluruh dunia termasuklah saya. Saya bukan penganut Kristian. Mana mungkin saya menganut Kristian selepas melihat ramai orang kulit hitam dibom kerana berjuang agar persepaduan kaum diwajibkan. Mereka dibaling dengan batu dan digigit anjing, gereja Negro dibom namun pembunuhnya tidak dicari. Saya dapat panggilan telefon setiap hari. Mereka mahu saya pegang sepanduk. Mereka mahu saya berpiket. Kata mereka bagusnya kalau saya berkahwin dengan perempuan kulit putih kerana itu baik untuk persaudaraan. Saya tak mahu dibom. Saya tak mahu dibunuh dan dicampak ke dalam betung. Saya cuma mahu hidup bahagia dengan bangsa saya sendiri.”

“Saya juara heavyweight, tapi sekarang saya masih tak boleh tinggal di sesetengah kejiranan. Saya tahu bagaimana hendak elak jerangkap samar dan anjing. Saya elakkan semua itu dengan duduk dalam kejiranan saya sendiri. Saya bukannya seorang pembuat kacau. Saya tak percaya pada persepaduan kaum yang dipaksa. Saya tahu tempat saya. Saya tak akan paksa diri masuk ke dalam rumah sesiapa.”

“Orang label kami kumpulan pembenci. Mereka kata kami mahu ambil alih negara ini. Mereka kata kami komunis. Itu tak benar. Pengikut Allah orang paling baik di dunia ini. Mereka tak bawa pisau. Mereka tak galas senjata. Mereka sembahyang lima kali sehari. Kaum perempuan berpakaian labuh mencecah lantai dan tidak berzina. Apa yang mereka mahu hanyalah hidup dengan aman.”

Boleh dikatakan hanya ahli pasukan tinjunya sahaja yang tidak begitu ambil pusing berita penukaran agama Clay.

“Ada apa dengan nama?” kata Dundee dalam lenggok Shakespeare. Dundee memang tidak peduli agama apa yang dianuti peninjunya selagi dia masih datang ke gim,

“Satu-satunya urusan peninju yang kau tak boleh campur ialah agamanya. Begitu juga kehidupan cintanya. Itu pun kau jangan masuk campur. Macam mana nak buat pukulan kiri—lebih baik kau tumpukan soal itu.”

Namun di luar lingkungan kecil pasukannya, penukaran agama Clay satu kejutan terutama pada keluarganya. Meskipun bapanya bukan seorang Kristian yang warak, dia jelas marah, secara peribadi dan terbuka.

Dia berkata kepada wartawan yang anaknya telah “ditipu” oleh Black Muslims yang tamak.

“Saya tak akan tukar nama,” katanya. “Jika dia mahu, silakan. Tapi saya tidak. Malah saya akan gunakan nama Cassius Clay dengan sebaik-baiknya. Saya akan buat duit dengan nama sendiri. Saya akan buat duit dengannya.”

Persatuan Sukan Tinju Dunia menggantung juara baru tersebut kerana “kelakuan yang menjejaskan kepentingan sukan tinju.”

Bagaimanapun penggantungan itu tidak



Muhammad Ali lambang perasaan ramai orang kulit hitam pada masa itu, kemarahan kami, rasa kesedaran akan hak, perlunya menjadi lebih baik supaya dapat merasa hidup yang lebih baik walaupun sederhana, dan rasa kebangkitan menentang kekerasan

mempunyai kesan pun selepas suruhanjaya negeri yang utama, iaitu New York, California dan Pennsylvania, menegaskan bahawa mereka akan mengabaikannya.

Reaksi yang paling merumitkan datang daripada para penggerak dan pemerhati politik kulit hitam.

Akhbar-akhbar kulit hitam menyokong dan terlibat secara mendalam dengan gerakan hak awam, dan kebanyakannya sangsi dengan Nation of Islam.

Jaguh kulit hitam

Pada masa itu, iaitu bulan Februari 1964, negara sudah pun sedekad menyaksikan peristiwa-peristiwa penting hak awam: pembunuhan Emmett Till pada tahun 1955, pemboikotan bas Montgomery pada 1955–56, krisis sekolah-sekolah Little Rock pada 1957–58, mogok duduk pelajar di Nashville pada tahun 1960, Perjalanan Kebebasan pada tahun 1961, persepaduan Ole Miss oleh James Meredith pada tahun 1962, pergelutan Birmingham, pengeboman Gereja Sixteenth Street dan perarakan di Washington pada tahun 1963.

Ramai orang kulit hitam terutamanya kelas menengah dalam diam kagum dengan beberapa aspek Nation—caranya memulihkan bekas-

bekas banduan, caranya mewakili ketegasan prinsip moral dalam kehidupan peribadi dan keselamatan di jalanan—namun mereka bimbang retorik konfrontasi yang lantang dan sebuah agama yang terlalu asing bagi Amerika arus perdana akan menjejaskan gerakan hak awam.

Malah Martin Luther King sendiri yang sedang berada di puncak kekuasaan dan pengaruh dalam gerakan hak awam tidak akan membiarkan sesuatu yang rentan seperti itu.

“Ketika Cassius Clay menyertai Black Muslims dan mula menggelar dirinya Cassius X, dia jadi jaguh pemisahan kaum dan itulah yang kita tentang,” katanya.

Pada penghujung 1960-an, ketika Ali mempertahankan pendiriannya menentang kerahan masuk tentera dan digantung daripada sukan tinju, banyak suara sama ada radikal mahupun tidak yang meraikan Ali sebagai susuk ingkar dan berani.

Eldridge Cleaver menyifatkannya sebagai

seorang “revolusioner sejati” dan “jaguh kulit hitam ‘merdeka’ pertama yang berani bersemuka dengan orang putih Amerika.”


Kelak atlet-atlet seperti Lew Alcindor akan jadi radikal sehingga menukar agama mereka. Malah Red Smith juga akan turut ubah fikirannya.

Namun pada saat ini, tahun 1964, sangat sedikit orang, sama ada berkulit hitam atau putih, yang secara terbuka meraikan perubahan Clay.

“Saya teringat pada awal 60-an bagaimana kami rasa begitu selesa dengan Ali,” kata penulis Jill Nelson yang membesar di Harlem dan Upper West Side.

“Kami tak akan sertai Nation tapi kami suka Ali kerana sikapnya yang sangat melawan. Ia keingkaran dalam melawan rasa perlunya menjadi Negro baik, Kristian baik yang mengharap penghargaan daripada orang putih salih yang baik hati. Kami suka Ali kerana dia kacak, kuat dan banyak cakap. Pada masa sama dia juga lambang perasaan ramai orang kulit hitam pada masa itu, kemarahan kami, rasa kesedaran akan hak, perlunya menjadi lebih baik supaya dapat merasa hidup yang lebih baik walaupun sederhana, dan rasa kebangkitan menentang kekerasan.”

Petikan muka surat 239-244 buku Muhammad Ali: Raja Dunia Wira Amerika, terjemahan King of the World: Muhammad Ali and the Rise of an American Hero tulisan David Remnick. Ia boleh dibeli melalui bukuibde.com atau di toko Rencana, Bandar Sri Damansara, Petaling Jaya.



Kereta EV kurang cemar tapi tetap sesak



Penyelidik di Universiti Putra Malaysia,
DR ZAMIR MOHYEDIN
seorang ahli fizik yang menulis lapan buku

Pada tahun lepas, media melaporkan kerajaan akan memastikan setiap warganegara Malaysia berupaya memiliki kereta elektrik melalui bantuan kewangan dan subsidi bersasar.

Di Malaysia, pada 2022 sebanyak 3,400 unit kereta elektrik telah berdaftar. Angka ini meningkat setahun kemudian kepada 7,500 unit kereta elektrik berdaftar.

Kebelakangan ini, topik kereta elektrik mula mendapat tempat dalam kalangan orang awam walau kemunculannya bukanlah baharu.

Malah, kereta elektrik pilihan terawal dan begitu popular untuk menggantikan kuda pada lewat kurun ke-19 kerana lebih selesa dan mudah dikendalikan berbanding kereta petrol.

Kemajuan dalam pembuatan enjin pembakar gasolin dan kos pembuatan kereta petrol yang lebih murah menjadikan kereta elektrik tidak lagi menjadi pilihan.

Kekuatan kereta petrol ditambah dengan tempoh mengisi minyak yang lebih pantas berbanding mengecap bateri. Tidak popularnya kereta elektrik pada masa itu sehinggakan ramai orang tidak kenal pun dengan kereta elektrik ketika kurun ke-20 walau di negara-negara membangun.

Sedikit pengenalan kereta elektrik. Kereta elektrik ialah kereta yang menggunakan motor elektrik untuk menghidupkan dan menggerakkan kereta.

Kereta petrol pula mempunyai enjin pembakar yang bertujuan untuk membakar minyak petrol lalu memberikan tenaga kepada kereta untuk hidup.

Kereta elektrik mempunyai bateri berkapasiti sekitar 80 kilowatt-perjam (kWh) untuk menghidupkan motor elektrik tersebut.

Bateri kereta elektrik ini pula berasaskan litium sama seperti bateri telefon pintar. Cuma terdapat kepelbagaian bateri litium bergantung pada syarikat pengeluar kereta elektrik.

Seperti barang elektrik lain yang memakai bateri iaitu kereta elektrik juga perlu dicas baterinya secara berkala.

Kereta petrol mempunyai bateri juga tetapi terhad untuk hidupkan enjin, lampu, pengelap cermin depan dan radio jika enjin dimatikan. Bateri kereta elektrik pula diguna pakai untuk setiap sistem tersebut.

Dari segi kecekapan, kereta elektrik lebih cekap berbanding kereta petrol. Kereta petrol hanya menggunakan sekitar 15 peratus sahaja tenaga yang dibakar untuk menggerakkan kereta. Tenaga selebihnya menjadi sisa haba.

Kereta elektrik pula menggunakan sekitar 77 peratus tenaga untuk menggerakkan kereta. Jadi, pembaziran sisa tenaganya lebih sedikit berbanding kereta petrol.

Disebabkan kereta elektrik menggunakan



motor elektrik, ia tidak mengeluarkan asap seperti kereta petrol. Hal ini yang memberikan kereta elektrik sebagai kenderaan yang mesra alam sekitar dan dapat mengurangkan pencemaran udara.

Jika semakin ramai menggunakan kereta elektrik, kadar pencemaran daripada kenderaan dapat dikurangkan. Pada 2050, pengurangan pelepasan karbon oleh kereta elektrik dapat menyelamatkan lebih 1,000 nyawa setiap tahun di bandar-bandar besar Amerika Syarikat.

Berbanding dengan kereta petrol, kereta elektrik masih agak mahal. Dari segi kos pembuatan, bahagian paling mahal kereta elektrik ialah pada baterinya.

Tidak selesai kesesakan

Pada 2020, harga kos pembuatan kereta elektrik 45 peratus lebih mahal berbanding kereta petrol. Namun, kos pembuatan bateri sudah semakin menurun dari sekitar RM3,000 per kWh pada 2010 menjadi sekitar RM500 per kWh pada 2019.

Harga pembuatan kereta elektrik dijangka akan hampir setanding dengan kereta petrol menjelang 2030. Selain daripada kos, kereta elektrik masih memerlukan tempoh yang lama untuk mengecap penuh berbanding mengisi minyak.

Tambahan lagi, untuk sekali bateri penuh, kereta elektrik masih tidak dapat memandu lebih jauh berbanding kereta petrol untuk isi sekali penuh. Pada 2022, kereta petrol dapat mencecah jarak 1,231 kilometer. Manakala kereta elektrik hanya dapat mencapai maksimum 837 kilometer.

Kereta elektrik yang dapat berjalan dalam jarak jauh sekali cas, kosnya lebih mahal. Setakat ini, kereta elektrik Lucid Air merupakan kereta elektrik yang dapat berjalan dalam jarak paling jauh tetapi kos pembelannya dapat mencecah RM400,000.

Seperti kos pembuatan, jarak maksimum kereta

elektrik akan bertambah saban tahun dan akan menandingi kereta petrol.

Meski setakat ini kereta elektrik lebih mahal dari segi kos pembuatan dan pembelian, kos penjagaannya jauh lebih murah kerana barang-barang Bergeraknya (moving parts) tidak banyak.

Dengan kata lain, tidak banyak barang kena dijaga. Bagaimanapun, disebabkan juruteknik kereta elektrik tidak ramai dan sukar untuk mendapatkan barang ganti, kos pembaikan lebih mahal jika berlaku sebarang kemalangan.

Kereta elektrik mungkin dapat menyelesaikan beberapa perkara seperti masalah pencemaran alam sekitar dan pemanasan global. Namun, kereta elektrik tidak akan dapat menyelesaikan masalah kesesakan jalan raya, masalah kemalangan dan masalah kelesuan ketika memandu.

Kelesuan ketika memandu perkara serius yang disumbangkan oleh memandu terlalu lama dan tidak cukup tidur.

Tidak cukup tidur dapat berpunca daripada kita bangun terlalu awal untuk menghadapi kesesakan jalan raya dan sampai di tempat kerja tepat pada waktunya.

Kelesuan ini boleh membawa kepada kemalangan. Selain itu, tidak dapat tidak, tekanan bukan sahaja berpunca di tempat kerja, malah dapat berpunca ketika memandu.

Penerimaan warga Malaysia berkenaan kereta elektrik amat pelbagai walau kereta elektrik mempunyai kelebihan tertentu.

Sebahagiannya menggesa kerajaan fokus pada meningkatkan kecekapan pengangkutan awam, bukan menggalakkan penggunaan kereta peribadi walaupun kereta elektrik.

Pengangkutan awam bukan sahaja dapat mengurangkan kemalangan dan kesesakan jalan raya, malah dapat mengurangkan pencemaran alam sekitar dan pelepasan karbon.



Petunjuk Jalan

Oleh **JAYA RAMBA**

Ilustrasi **FAHMI MUSTAFFA**

Aku sekali lagi sedar daripada mimpi ngeri. Bukan mudah mahu aku katakan. Kisahnya dari utara hingga ke selatan dan daripada sebuah negara bersultan sehingga menjadi sebuah daerah kecil buangan. Daerah ini kononnya sebagai hadiah kepada penjajah.

Etnik di pulau ini adalah bangsa bertamadun. Mereka masyarakat yang diasap awan amalan dan adat keturunan. Mereka mencipta sebuah syurga rimba yang didiami sang dewa. Sang Dewa ini antara makhluk terhebat tetapi tanpa identiti. Mereka telah membentuk sebuah tamadun yang berjaya dengan sistem penuh pantang-larang. Mereka etnik kecil yang cukup agung. Lalu, terikat sebuah janji bernama sumpahan dari langit ke tanah.

Mereka ini pemuja yang percaya akan lautan, sungai, tanah dan langit. Mereka dewa rimba yang boleh berubah menjadi makhluk apa sahaja. Mereka sangat mulia dengan pantang-larang yang dijaga. Mereka menggelarkan sebuah empayar bersempadan dengan nama bumi "ngayau kepala". Mereka memecahkan etnik keturunan merujuk kepada daerah rendah, bukit, gunung, sungai dan lautan. Etnik ini mengamalkan cara pembahagian perbatasan rapi dengan kekuatan pada sistem kuasa ditetapkan. Mereka mengamalkan sistem kehidupan yang dipengaruhi tanah, langit, sungai, dan lautan. Tangkal inilah janji alam. Mereka memerintah empayar rimba tanpa raja tetapi rimba berkenaan akan berubah di atas satu kerajaan.

Penyelesaian ini tidak boleh dilakukan sebarang. Tetapi harus dengan kembali ke zaman silam. Harus ditemui "petunjuk" yang boleh mengubah masa. Maka, aku ingat rumah panjang asal yang bapa pernah gambarkan. Aku juga ingat rumah panjang moden yang pernah didatangi lima tahun lalu. Begini kisahnya.

Entah, bagaimana aku berada di perbatasan ini. Ramai orang duduk di ruai. Di beranda juga tidak mudah dihitungkan jumlahnya. Aku berdiri tanpa dipedulikan. Aku berlalu menghampiri barisan tokoh upacara. Dua tiga orang tua berpengaruh menggeleng-gelemp kepala ketika membaca hati khinzir yang berdarah.

"Hati khinzir! Tidak baik!" Akhirnya seorang tokoh berpengaruh bersuara. Mereka sedar apa yang dikatakan.

Air sungai di hadapan rumah panjang ini mengalir lesu ketika kegelapan menguasai alam. Inilah kunci alam. Di sini saudara aku ditunang oleh alam ketika upacara mendulang tulang dulu. Aku sedar rupa-rupanya aku juga diuji.

Aku telah merantau ke banyak daerah yang dikatakan pertapaan panjang demi hidup mati



bangsa kami. Ini kemahuan masa depan. Bukan mudah perbatasan dibuka kerana kunci laluan adalah sumpah. Aku tidak temukan jalan terakhir. Aku ditebat petir tongkat martabat. Hari ini sekali lagi perjalanan yang panjang diharungi.

Setelah menempuhi seribu liku, mengharungi halangan dan rintangan sukar. Setelah melalui detik seram menakutkan. Setelah semuanya diperoleh fikir matang, dikunyah kenyang menjadi pengalaman, ditimbun takungan hati, digenggam erat segala hajat dan dipadu akar ilmu. Adakah engkau memiliki kunci petunjuk itu? Detik ini hanya perlu diakhiri dengan nyanyian keramat. Tongkat martabat keturunan itulah jawabannya.

Aku ingat pada mimpi malam tadi. Aku yakin berada di rumah panjang ini. Datuk mengusik Dom yang kelihatan tenang. Nama Dom telah ditukar dalam upacara semalam. Aku pula perlu mencari identiti diri sehingga aku boleh menyentuh hati alam.

Aku memerhati tiang keliling. Di sepanjang setiap ruai juga serupa. Tikar berukiran menghias sepanjang ruai. Ketika ini, lapan orang tokoh sudah bersedia. Aku baru selesai menyarung pakaian tradisi ketika kegelapan membungkus alam.

Lalu, mereka tiba-tiba bangkit, menuju ke arah aku. Aku pula melangkah ke hujung ruai. Aku melihat pintu di hujung ruai terkuak perlahan-lahan dengan angin bertiup nyaman. Aku sudah bersedia sepenuhnya.

"Aku buka gerabak zaman, terkuak pintu silam. Aku hamparkan tikar bambam, duduk engkau semalaman. Aku melangkah ke titian, sampai ke sudut kayangan. Aku hayun pedang ilang, terpacak di dinding larangan. Aku robohkan tembok usang, dibangunkan menara impian. Aku jejak laluan silam, untuk pacakkan menara harapan. Aku harungi dalam nanga sungai, untuk nyalakan cahaya. Aku sampai ke kuala, meleraikan tambatan petaka. Aku mahu naik ke bukit, memetik bunga di puncak langit. Aku tidak takut jurang, kami boleh terbang. Aku tidak takutkan gaung, kami kental bertarung. Aku sudah datang, dengan pedang matang. Aku sudah tampil, dengan senjata fikir. Aku di sini, dengan kunci pasti. Akukah yang engkau bina..." Telingaku mendengar ayat-ayat yang mulutku seru.

Tokoh adat yang berada di belakang aku menyelat dengan bahasa kuasa sokongan. Mereka tekun di belakang aku, mengikut turutan angin yang bertiup. Aku tahu mereka hadir. Mereka alam malam yang seram. Mereka menurut erti sinaran bulan. Kami telah berjaya menempuhi derasnya air sungai dan menepis semua rintangan yang datang.

"Malam kian ke depan, membuka pintu siang. Bulan membakar awan, bintang-bintang ketawa riang. Rimba ini berlarangan, aku goncang gunung berjurang, sungai tanpa nanga, tebing tanpa kuala. Aku melangkah, semua diredah. Buka pintu itu, aku masuk dulu. Aku bawa aman, terangkan laluan. Aku bawa damai, terangkan denai. Aku bawa janji, lenyapkan benci. Aku bawa tangkal, buka pintu sangkar." Aku terus melurukan bahasa kata jiwa.

Aku terus melangkah gagah dengan hati damai. Para tokoh mantera pula menepis angin, menyisih bayangan yang menjelma dan menepis usikan yang cuba membantutkan langkah kami. Kami hampir merentasi dunia sebayon. Aku dihulur segelas tapai apabila melintas setiap bilik di ruai. Aku langsung masukkan ke mulut. Aku sedar yang aku perentas malam menuju ke gagang pagi.

"Cucuku! Cucu makhluk yang cukup hebat!" Aku mendengar bisikan datuk yang aku renung dari jauh.

Ketika ini aku merasa sedang melalui pintu sempadan dengan laungan damai. Pengikut aku juga turut diberi tepukan yang menggamatkan. Bagaikan aku berada di ruai tetapi aku sedar, aku di tempat asing yang lain. Aku terus bermantera dengan tongkat yang dipegang kukuh. Di satu sudut yang cukup samar, aku melihat bayangan mengintai. Endun Bulan yang menjadi penentu sebuah harapan.

"Inilah jiwa engkau. Roh. Inilah petunjuknya!" Ujar Endun Bulan berbisik di telingaku.

Cerpen, esei dan sajak boleh diikuti pada setiap minggu menerusi pautan selangorkini.my/category/rencana-bm/



HARGAI... Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menyampaikan Anugerah Ikon Sukan Dayak 2024 kepada Datuk Pandelega Rinong sempena Majlis Makan Malam Sambutan Gawai Dayak peringkat Sarawak pada 22 Jun di Kuching. Turut sama, Ketua Menteri Tan Sri Abang Johari Tun Openg serta pimpinan persekutuan dan negeri. Foto Facebook Anwar Ibrahim

Pulih 663 projek rumah terbengkalai

SHAH ALAM - Sebanyak 663 projek perumahan terbengkalai bernilai RM57.09 bilion melibatkan 78,554 pembeli diselamatkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam dua tahun.

Menterinya Nga Kor Ming berkata Pasukan Khas Projek Perumahan Swasta Sakit dan Terbengkalai menyelesaikan 452 projek swasta melibatkan 53,697 unit bernilai RM39.814 bilion tahun lalu.

Beliau memberitahu sebanyak 211 projek sedemikian melibatkan 24,857 unit rumah dengan nilai RM17.28 bilion dipulihkan pada tahun ini setakat 31 Mei, lapor Bernama.

Kor Ming menjawab soalan lisan Ahli Parlimen Tenggara Manndzri Nasib mengenai bantuan kementerian terhadap pembeli rumah yang berdepan masalah projek sakit di Dewan Rakyat pada 25 Jun.

Katanya, kementerian membuat paman-tauan berkala, turun ke tapak projek dan libat urus bersama agensi teknikal serta pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi mencari penyelesaian bersama pemaju.

"Kementerian sentiasa mencari alternatif terbaik yang bersesuaian dan berkesan dalam pemulihan projek perumahan swasta yang sakit dan terbengkalai," katanya.

Saham Khazanah, KWSP 70 peratus

MAHB kekal milik negara

Oleh **SUHAILA SHAHRUL ANUAR**

SHAH ALAM - Malaysia Airport Holdings Berhad (MAHB) tidak pernah dijual kepada syarikat asing sebaliknya pemilikannya kekal milik kerajaan Malaysia, tegas perdana menteri.

Datuk Seri Anwar Ibrahim menjelaskan pegangan saham Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dalam MAHB meningkat daripada 41 kepada 70 peratus.

"Tiada penjualan MAHB kepada syarikat asing. Syarikat asing memiliki sekitar 30 peratus iaitu Abu Dhabi Investment Authority (ADIA) dan Global Infrastructure Partners (GIP)," katanya.

Beliau menjawab soalan berkaitan konsortium syarikat pelaburan berkaitan kerajaan terhadap penjualan MAHB kepada Global Infrastructure Partners (GIP) di Dewan Rakyat pada 25 Jun.

Anwar yang juga menteri kewa-

ngan berkata rundingan KWSP dengan GIP bermula sejak 2012 melalui kerjasama Lapangan Terbang Sydney Australia dan Lapangan Terbang Gatwick United Kingdom.

Beliau menegaskan isu keselamatan juga tidak berbangkit kerana syarikat berkenaan masih milik kerajaan termasuk pengurusan tertinggi MAHB yang terdiri daripada rakyat tempatan.

"Pengerusi syaratnya mesti rakyat Malaysia, CEO mesti rakyat Malaysia, keselamatan keseluruhannya tanggungjawab kerajaan Malaysia," katanya lagi.

Pada 15 Mei, Gateway Development Alliance (GDA) dan pemegang sahamnya mengumumkan untuk mengambil alih semua saham MAHB yang belum dimiliki konsortium pada harga RM18.4 bilion.

Konsortium berkenaan diterajui dua Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan Malaysia - Khazanah melalui anak syarikat milik penuhnya iaitu UEM Group Bhd dan KWSP.

TAMANSARI

RAWANG

GAYA HIDUP BERSENI

PEGANGAN KEKAL

- Unit Bumiputera Dibuka Untuk Jualan
- 7% Bumiputera Diskaun
- Berpagar dan Kejiranan Berpengawal

Jasmin
TAMANSARI

Harga Jualan Dari
RM887,600*
(Selepas 7% bumi diskau)

DEVELOPER: PINGGIR MENTARI SDN. BHD. (939134-H)

03 2727 7550 | WWW.TAMANSARI.BRDB.COM.MY | [TAMANSARI BRDB SALES GALLERY](#) **BRDB**

Dahli | Pemaju: Pinggir Mentari Sdn Bhd (939134-H) • Alamat Pemaju: Level 11, Menara BRDB, 285 Jalan Maarof, Bukit Bandaraya, 59000 Kuala Lumpur. No. Tel: 03-2688 2888 • Jenis Perumahan: Rumah Teres 2 Tingkat • No. Lesen Pemaju Perumahan: 13819/02-2027/0078(R) • Tempoh Sah: 06/02/2022 - 05/02/2027 • No. Permit Iklan dan Jualan: 13819-4/09-2025/0191(N)-S1 • Tempoh Sah: 26/09/2022 - 25/09/2025 • Pihak Berkuasa (PBT) Yang Meluluskan Pelan Bangunan: Majlis Perbandaran Selangor • No. Pengesahan Pelan Bangunan: MPS3/2-1371/1499(PB/A)-F2B - Pemegangan Tanah: Pegangan Bebas • Sekatan Tanah: Tiada • Jumlah Unit: 173 • Harga Jualan: RM987,850.00 (Minima), RM1,474,300.00 (Maksima) • Tarikh Dijangka Siap: Sep 2025 • 7% Diskaun Bumiputera. IKLAN INITELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA.

Penyakit barah naik 50 peratus

SHAH ALAM - Orang ramai disaran melakukan saringan awal barah sekurang-kurangnya enam bulan atau sekali setahun untuk mengesan penyakit itu.

Pengarah BAdipoLABs Healthcare (M) Sdn Bhd Isaac R Joseph berkata pemeriksaan penting bagi mendapatkan rawatan yang betul dan mencegah penyakit pada tahap awal, lapor Bernama.

"(Selalunya) Anda hanya (akan) tahu (anda) menghidap barah (hanya) pada peringkat akhir apabila berasa ada tidak kena dengan badan anda. Ketika itu, semuanya terlambat," katanya.

Isaac dalam Kongres Kanser Kebangsaan Malaysia di Petaling Jaya pada 21 Jun meluahkan kebimbangan mengenai situasi barah di Malaysia.

Beliau merujuk kenyataan Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad yang menyatakan kes sedemikian meningkat 46.5 peratus antara 2017 hingga 2021 berbanding 2012 hingga 2016.

Salur cadangan pelan pendidikan

SHAH ALAM - Orang ramai dipelawa menyumbang cadangan untuk menghasilkan pelan pembangunan pendidikan baharu antara 14 Mei hingga 31 Disember.

Menurut Kementerian Pendidikan, pelan baharu itu bertujuan menggantikan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 yang hampir tamat, lapor Bernama.

"Kementerian mengalu-alu cadangan pelbagai pihak dalam bentuk memorandum atau kertas cadangan untuk membantu menghasilkan pelan pendidikan masa depan," menurut kenyataan pada 24 Jun.

Kementerian tersebut memaklumkan portal cadangan Masa Depan Pendidikan Malaysia 2026-2036 bertujuan memudahkan pengumpulan maklumat dan cadangan berkaitan hala tuju pendidikan negara.

Portal berkenaan boleh dicapai melalui pautan www.moe.gov.my/pelanpendidikan2026/public

Pengeluaran ikan hiasan bertambah

SHAH ALAM - Industri ikan hiasan berpotensi dari segi eksport dan pendapatan penternak ekoran pengeluarannya dijangka meningkat kepada 352 juta ekor bernilai RM550 juta menjelang 2030.

Menurut Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pengurusan) Wan Muhammad Aznan Abdullah, pengeluaran tahun lalu sebanyak 241 juta ekor bernilai RM373 juta dan 21 peratus daripadanya untuk eksport.

"Jabatan Perikanan terus komited menyokong industri ini dan membantu penternak ikan hiasan Malaysia mencapai kejayaan dalam pasaran global," katanya dalam kenyataan pada 22 Jun.

Eksport durian ke China meningkat

SHAH ALAM - Buah durian segar dari Malaysia boleh dieksport ke China hasil pemeteraian Protokol Keperluan Fitosanitari Pengeksportan Buah Durian Segar dari Malaysia ke China.

Menurut menteri pertanian dan keterjaminan makanan, Malaysia sebelum ini diberi akses pasaran ke republik itu dalam bentuk ulas dan pes pada 2011 dan sejuk beku dalam bentuk biji (2018).

Datuk Seri Mohamad Sabu percaya tambahan akses itu mengembangkan lagi industri tanaman durian tempatan sekali gus meningkatkan nilai eksport

agromakanan ke luar negara, lapor Bernama.

"Pelaksanaan protokol ini menggalakkan perkembangan industri tanaman durian tempatan dan membuka peluang kepada lebih 63,000 pengusaha di seluruh negara," katanya pada 19 Jun.

Mohamad menjelaskan pengusaha yang mendapat kelulusan Jabatan Pentadbiran Am Kastam China (GACC) berdasarkan pematuhan kepada syarat dibenar mengeksport durian segar ke China.

Pemain industri yang berminat untuk mengeksport durian segar ke China

boleh menghubungi Jabatan Pertanian (DOA) dengan mengirim e-mel kepada pro@doa.gov.my dan myskim@doa.gov.my.

Nilai eksport durian berkembang 256.3 peratus atau meningkat RM822.8 juta antara 2018 hingga 2022. Pada tahun berkenaan, eksport ke seluruh dunia bernilai RM1.14 bilion.

Secara keseluruhan, durian menyumbang 58.6 peratus daripada keseluruhan nilai eksport buah-buahan iaitu RM2.01 bilion pada 2022.

China pasaran eksport utama durian dari Malaysia dengan nilai RM887 juta pada 2022. Nilainya diunjur meningkat kepada RM1.8 bilion pada 2030.



Kekal 23 jenis lori pengangkut barang

180,000 kenderaan belum daftar subsidi

SHAH ALAM - Lebih 180,000 kenderaan barangan belum mendaftar Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) 2.0, kata Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Fuziah Salleh.

Justeru, beliau meminta semua pemilik kenderaan sedemikian segera membuat permohonan bagi melayakkan mereka menikmati subsidi diesel yang disediakan kerajaan, lapor Bernama.

Katanya, terdapat 389,000 kenderaan kategori berkenaan didaftar dalam rekod Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) tetapi hanya 209,000 mendaftar bawah SKDS 2.0.

"Jadi, ada lebih kurang 180,000 yang belum daftar, mungkin kerana mereka

ingat tidak layak atau rasa susah (hendak daftar). Tidak perlu ada hingga 20 kenderaan baru fikir layak.

"Kalau ada satu atau tiga kenderaan pun melayakkan mereka untuk mendapat subsidi asalkan kenderaan itu termasuk 23 jenis kategori lori pengangkut barang yang tersenarai," katanya.

Beliau ditemui dalam program Bijak Belanja Pengguna dan Jualan Rahmah Madani peringkat negeri di Nibong Tebal pada 20 Jun.

Syarikat pengangkutan belum memohon kelulusan subsidi diesel boleh berbuat demikian melalui pautan mysubsidi.kpdn.gov.my seterusnya

memohon kad kelompok (fleet card).

Fuziah juga menyarankan pemilik kenderaan yang mendapat kelulusan SKDS tetapi belum menerima kad berkenaan daripada syarikat minyak menyimpan resit supaya bayaran balik boleh dibuat.

Beliau menambah senarai 33 jenis kenderaan yang layak menikmati subsidi kekal meski ada permintaan untuk memasukkan lori Rigid-Roll on Roll Off (RORO) dalam sistem MySubsidi Diesel.

"Sekiranya ada kenderaan yang tidak termasuk dalam 33 kategori itu, kita masih buka ruang untuk mereka buat rayuan dan jawatankuasa rayuan akan teliti setiap permohonan," katanya.



Talian khas cegah bunuh diri

SHAH ALAM - Perkhidmatan Talian Bantuan Krisis Kesihatan Mental atau Talian Heal 15555 mencegah 288 kes tingkah laku bunuh diri termasuk idea melakukannya dan cubaan sedemikian.

Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Lukanisman Awang Sauni memberitahu 161 kes idea bunuh diri diberi rawatan manakala 127 kes cubaan dirujuk kepada pusat kesihatan, lapor Bernama.

Beliau menambah pegawai psikologi membuat panggilan berkala bagi setiap kes cubaan bunuh diri yang diselamatkan melalui Talian Heal bagi memastikan proses pemulihan berterusan.

Menjelaskan 46,324 panggilan diterima sejak talian itu beroperasi mulai

2022, Lukanisman berkata 59 peratus menerima bantuan sokongan dan emosi manakala 41 peratus lagi nasihat khusus.

Beliau memberitahu Kementerian Kesihatan bekerjasama dengan syarikat telekomunikasi supaya perkhidmatan talian berkenaan diberi percuma bagi memudahkan orang ramai mendapatkan nasihat.

"Kita menerima tawaran pihak telekomunikasi untuk membolehkan talian ini diberi secara percuma kerana ketika ini talian terbabit dicaj mengikut kadar yang ditetapkan.

"Kita berharap syarikat besar seperti Celcom, Digi dan Maxis menawarkan

perkhidmatan secara percuma untuk membolehkan lebih ramai remaja mendapat khidmat nasihat kaunselor," katanya.

Pada 22 Mei 2023, Dewan Rakyat meluluskan Rang Undang-undang yang menghapuskan Seksyen 309 Kanun Keseksan, fasal yang menghukum cubaan membunuh diri dengan penjara sehingga setahun, denda, atau kedua-duanya sekali.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) Datuk Seri Azalina Othman Said berkata, tanpa ketakutan berhadapan tindakan undang-undang, individu terbabit mempunyai peluang yang lebih baik untuk mendapatkan rawatan.





Suee Lim menunjukkan keadaan tasik yang tercemar ketika program operasi terjah tapak sampah haram dalam kawasan MPKj di Bandar Mahkota Cheras, Hulu Langat pada 24 Jun. Foto FIKRI YUSOF

Tandatangan akta urus sampah

Hukum sindiket lupus sisa

Oleh SHEEDA FATHIL

HULU LANGAT - Kerajaan Negeri dalam proses menandatangani Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Akta 672) melalui KDEB Waste Management (KDEBWM). EXCO Kerajaan Tempatan Dato' Ng Suee Lim berkata akta yang digubal dan diwartakan pada peringkat persekutuan pada 2007 itu dijangka ditandatangani hujung tahun ini.

"Sekiranya tiada aral melintang kita akan tandatangan Akta 672 melalui KDEBWM hujung tahun, kemudian sudah boleh laksana penguatkuasaan terhadap kegiatan sampah haram dengan lebih ketat.

"Apabila menggunakan akta ini hukuman lebih ketat iaitu denda RM100,000 dan penjara lima tahun berbanding ketika ini kalau guna undang-undang kecil bawah pihak berkuasa tempatan denda hanya RM1,000.

"Jumlah ini mungkin tidak memberi kesan kepada sindiket terbabit dan kegiatan haram ini mungkin boleh berulang lagi pada masa akan datang," katanya.

Beliau meninjau program operasi terjah tapak sampah haram dalam

kawasan Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) bersama pegawai Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan Jabatan Alam Sekitar di Bandar Mahkota Cheras di sini pada 24 Jun.

Suee Lim berkata Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan menyemak hukuman bagi Akta 672 itu dari semasa ke semasa supaya memberi dampak kepada sindiket haram berkenaan.

Akta 672 bermatlamat memastikan keseragaman undang-undang dalam pengawalan dan pengawalseliaan perkara berhubung pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.

"Menteri KPKT maklum akan semak jumlah hukuman dan mungkin kita boleh contohi LUAS yang mengenakan denda RM1 juta bagi kesalahan pencemaran air.

"Perkara ini bagi saya lebih memberi kesan kepada pelaku untuk tidak mengulangi perkara sama. Bagaimanapun, sebagai masyarakat saya nasihatkan bertanggungjawab dan bersama bantu negeri elak aktiviti sedemikian," katanya.

Selain itu, beliau turut bercadang memasang kamera litar tertutup di kawasan yang disyaki dijadikan tapak pembuangan sisa pembinaan dan domestik.

Atasi lambakan haiwan terbiar

AMPANG JAYA - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) menjalankan program pemandulan melalui Kempen Kesedaran Kebajikan Haiwan Kesayangan bagi mengatasi masalah lambakan haiwan terbiar.

Yang Dipertuanya Dr Ani Ahmad ketika merasmikan Kempen Kesedaran Kebajikan Haiwan Kesayangan pada 23 Jun menjelaskan usaha berkenaan bertujuan mengurangkan pembiakan haiwan tersebut.

"MBPJ tidak mengambil pendekatan tangkap dan lupus kerana tindakan ini kejam dan menganiaya haiwan sebaliknya membuat program pemandulan percuma dengan kerjasama beberapa pihak.

"Kita kerjasama dengan Persatuan Mencegah Kekejaman Terhadap Haiwan (SPCA) bagi menjalankan program pemandulan anjing dan kucing dengan sasaran lebih 500 ekor pada Julai," katanya.

Beliau memberitahu MPAJ juga bercadang untuk mewujudkan rumah perlindungan bagi kucing dan anjing terbiar pada masa depan apabila memiliki dana.

"Perkara ini perlu dilihat secara komprehensif dan MPAJ dalam proses mengumpul dana seperti tabung endowmen untuk membuka rumah perlindungan bagi kucing dan anjing," kata beliau.

TAMAN KELANA

BATU 5 JALAN KAPAR

Rumah Teres Setingkat

4 Bilik Tidur

2 Bilik Air

Pegangan Kekal

Kami di sini

Taman Kelana
Batu 5 Jalan Kapar

Kebolehaan kepada:

- Lebuhraya Shapadu / Lebuhraya Pantai Barat (WCE)

Sekolah Berdekatan:

- SJK(C) Pui Ying / SMK Rantau Panjang

Kemudahan Berdekatan:

- Econsave / AEON Big

Jenis A:
29 Unit 20' x 70'
(B/U 1,130 kps)
RM495K ke RM835K

Jenis B:
30 Unit 20' x 65'
(B/U 1,030 kps)
RM473K ke RM800K

7% Potongan Harga Bumiputera

Hubungi
012-551 9906 / 016-231 9696

Pemaju: Lian Hoe Realty Sdn Bhd (1307569-W) No 47, Jalan Goh Hock Huat, 41400 Klang.

Nombor Lesen Pemaju: 30226/10-2027/0225(A), Tempoh Sah Lesen: 07/10/2022-06/10/2027, Nama Pihak Berkuasa yang meluluskan: Majlis Perbandaran Klang, Tarikh Pemajuan Perumahan Dijangka Siap: 24 Bulan Selepas Menandatangani Perjanjian Jual Beli, Bilangan Unit: 59 unit, Nombor Permit Iklan Dan Jualan: 30226-1/05-2025/0574(N)-(L), Tempoh Sah Permit Iklan Dan Jualan: 23/05/2023-22/05/2025, No. Rujukan Pelan Bangunan: MPK/BGN-600-5/1/0112(2022) Bebanan tanah: Tiada, Pegangan Tanah: Hakmilik Kekal, Sekatan Kepentingan: Tiada, Teres Setingkat 29 Unit: Harga Minima: RM495,000.00, Harga Maksima: RM835,000.00, Teres Setingkat 30 Unit: Harga Minima: RM473,000.00, Harga Maksima: RM800,000.00. **IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA**

Semua maklumat yang terkandung di sini adalah tertakluk kepada perubahan dan tidak boleh menjadi sebahagian daripada tawaran atau kontrak. Semua rendering adalah tanggapan artis sahaja. Wajupun setiap langkah yang munasabah telah diambil dalam menyediakan, Pembangun tidak boleh bertanggungjawab atas sebarang ketidaktepatan.

Tingkat keselesaan pengunjung pasar

KLANG - Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) memperkenalkan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) di Kompleks Pasar Besar Meru di sini.

Datuk Bandar Klang Datin Paduka Noraini Roslan berkata sistem julung kali di pasar awam itu membolehkan pengunjung membeli keperluan dalam persekitaran selesa.

Menurutnya, EKSA salah satu elemen penting bagi menggalak pegawai dan kakitangan memberi mutu perkhidmatan terbaik kepada orang awam serta meningkatkan budaya kerja berprestasi tinggi.

"Dulu kita mempunyai konsep 5S (Sisih, Susun, Sapu, Seragam, Sentiasa Amal) tetapi tukar kepada EKSA yang diamalkan di pejabat kerajaan supaya persekitaran kerja lebih teratur, selamat dan sistematik.

"Kali ini, kita perluaskan ke pasar awam supaya infrastruktur kemudahan awam ini dapat ditambah baik menjadi persekitaran lebih selesa dan bertaraf 'BMW' iaitu 'Bersih, Menawan dan Wangi' seiring dengan status sebagai bandar raya," katanya pada 25 Jun.

Noraini turut menyarankan peniaga pasar awam beralih kepada pembayaran tanpa tunai bagi memudahkan urusan.

"Peniaga kena tingkatkan diri dengan menerima kaedah pembayaran baharu supaya institusi pasar terus kekal relevan dengan menggunakan teknologi terkini," katanya.

RM20,000 bina laluan OKU

SHAH ALAM - Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) menyerahkan wakaf fisabilillah RM20,000 kepada pengurusan Masjid Sultan Abdul Aziz, Pulau Indah, Klang baru-baru ini.

Menurut perbadanan tersebut, sumbangan berkenaan bertujuan membina tanjak laluan orang kurang upaya (OKU) untuk ahli kariah dan jemaah di masjid tersebut.

"Semoga sumbangan ini memberi manfaat kepada ahli kariah dan jemaah serta menjadikan jariah mengalir kepada pewakaf yang menyumbang di PWS hingga yaumulakhirah," kata kenyataan di Facebook.

Sumbangan tersebut diserahkan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PWS Anuar Hamzah Tohar kepada Orang Besar Daerah Klang Dato' Setia Mohammed Khusrin Munawi selaku pengerusi masjid itu.

UM juara inovasi ramal paip bocor

SHAH ALAM - Enam pelajar dari Universiti Malaya (UM) menjuarai pertandingan Data & Digital Hackathon 2024 anjuran Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) baru-baru ini.

Menurut syarikat tersebut, kumpulan dikenali sebagai Fresh Air memperkenalkan Sistem Sentinel HydroRise, inovasi bagi memantau dan meramal kebocoran dalam sistem paip agihan Air Selangor.

"Kami berbesar hati menjadi penye-

dia perkhidmatan air pertama Malaysia yang menganjurkan Data & Digital Hackathon 2024 buat julung kalinya sebagai platform bagi peminat teknologi.

"(Mereka) berkongsi pandangan dan menyelesaikan set data raya yang kompleks menggunakan aplikasi sains data yang menyumbang kemajuan pendigitalan industri perkhidmatan air," katanya.

Pasukan Fresh Air membawa pulang wang tunai RM10,000 yang disam-

paikan Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Air Selangor Ir Abas Abdullah.

Pemenang lain ialah kumpulan Air Force (kedua) dan The HackSmith (ketiga) manakala Neroz pula juara bawah kategori kakitangan menerusi 149 penyertaan sejak Januari.

Menurut Air Selangor, penilaian dibuat menerusi pemilihan 10 pasukan teratas yang bersaing melalui pembentangan idea masing-masing di sebuah hotel di Petaling Jaya.

Jais naik taraf pusat data

Pacu transformasi khidmat digital

Oleh **FITRI HAZIM HAZAM**

SHAH ALAM - Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) menaik taraf pusat datanya di Bangunan Sultan Idris Shah di sini sebagai hab bersepadu bagi memperkasa penyampaian perkhidmatan.

Menurut Pengarahnya Dato' Mohd Shahzihan Ahmad, pusat itu menempatkan data dan perkhidmatan digital "End to End" (E2E) merangkumi tujuh bidang utama.

Katanya, bidang tersebut merangkumi pendidikan, dakwah, undang-undang keluarga, pengurusan masjid, pengurusan penguatkuasaan, pengurusan halal dan penyelidikan dan pembangunan.

"Pusat ini turut menyimpan 11 data cawangan dan berfungsi sebagai koridor digital yang menghubungkan ibu pejabat dengan cawangan seluruh daerah melalui rangkaian selamat," katanya.

"Pusat data bersepadu ini bertujuan

menampung keperluan simpanan pangkalan data dan sistem aplikasi Jais lebih sistematik, berdaya saing dan berkesan," katanya.

Beliau hadir majlis perasmian pusat data tersebut yang disempurnakan EXCO Agama Islam Dr Mohammad Fahmi Ngah pada 21 Jun.

Mohd Shahzihan menambah Jais membangunkan 36 sistem aplikasi dalam usaha transformasi perkhidmatan penyampaian digital kepada masyarakat Islam sejak 2019.

Tuntut ilmu bersungguh-sungguh

SHAH ALAM - Karya agung ulama tersohor Imam al-Ghazali mengingatkan umat Islam supaya bersungguh-sungguh menuntut ilmu seperti anjuran Islam, kata tokoh ulama Pattani.

Mengupas kitab Ihya Ulumuddin dan Mawaqif al-Marjan dalam program Talaqqi Kitab Turath Islami, Baba Ismail Sepanjang al-Fathoni berkata ilmu antara warisan Rasulullah kepada umat.

"Kita diperintahkan Allah supaya menuntut ilmu untuk dunia dan akhirat. Malah, menuntut ilmu adalah fardu (wajib) ke atas setiap Muslim.

"Rasulullah memberi amaran kepada orang yang meninggalkan urusan dunia semata-mata menuntut akhirat. Ini membuktikan perintah menuntut ilmu tidak membezakan ilmu dunia dan akhirat.

"Bahkan, menuntut kedua-duanya adalah wasilah (cara) Allah menganugerahkan kebaikan kepada kita," katanya ketika menyampaikan kuliah dhuha dalam program itu pada 24 Jun.

Program anjuran Inisiatif Buku Darul Ehsan (IBDE) kesinambungan Festival Turath Islami Selangor bagi tahun kedua yang diadakan antara 26 Mei hingga 2 Jun.

Kupasan ringkas tarik minat pelajar

SHAH ALAM - Kupasan karya agung Imam al-Ghazali sempena Program Talaqqi Kitab Turath Islami menarik minat pengikut setia Baba Ismail Sepanjang al-Fathoni.

Zuraidah Abu Hassan, 61, enggan melepaskan peluang menghadiri kuliah dhuha tokoh Islam Pattani itu setiap kali dianjurkan di Masjid Negeri.

"Saya hadir kuliahnya sejak tahun lalu di masjid negeri. Saya akui, ilmu yang disampaikan Baba Ismail agak tinggi namun cara penyampaian mudah difahami.

"Kalau ada buat lagi, insya-Allah saya tidak lepaskan peluang untuk datang.

Saya seronok datang ke kuliah dhuha, ada macam-macam ilmu yang boleh diperoleh," kata suri rumah itu pada 24 Jun.

Perawat rawatan terapi tradisional pula hadir atas dorongan suami yang turut meminati kuliah Baba Ismail.

Menurut Nur Hidayah Abdullah, 29, mereka turut berkesempatan menghadiri Festival Turath Islami Selangor pada bulan lalu yang mengupas kitab Hadis 40 Imam Nawawi.

"Kami memang meminati majlis ilmu seperti ini. Kalau ada masa terluang, memang pasti akan datang. Alhamdulillah program seperti ini bermanfaat kepada rakyat Selangor," katanya.

Baba Ismail mengupas kitab Ihya Ulumuddin dan Mawaqif al-Marjan karya Imam al-Ghazali dengan tajuk kepentingan bersungguh-sungguh dalam menuntut ilmu.


Air Selangor

PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD
(201401006213)

KENYATAAN TENDER

BIL.	NO. TENDER	KETERANGAN
1.	TBA	OPERATIONS MOBILE APPLICATION (PHASE 3) - ENHANCEMENT AND EXPANSION OF OPERATIONS MOBILE APPLICATION

Untuk butiran lanjut dan penyertaan tender di atas, sila layari laman web kami di <https://www.airselangor.com/vendor/tender-lists> atau <https://tender.airselangor.com>





Najwan (enam, kanan) dan Saipolyazan (enam, kiri) bersama wakil Persatuan Memanah Selangor dan Kesatuan Ragbi Selangor selepas penyampaian cek cura di Bangunan Darul Ehsan, Shah Alam pada 24 Jun. Foto NUR ADIBAH AHMAD IZAM

RM200,000 bantu memanah, ragbi

SHAH ALAM - Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI menyumbang RM200,000 bagi memperkasa skuad memanah dan ragbi bagi menghadapi Sukan Malaysia (SUKMA) Sarawak, bulan depan.

Ketua Pegawai Eksekutif MBI Saipolyazan M Yusop berkata sumbangan diserahkan kepada Persatuan Memanah Selangor dan Kelab Ragbi Selangor, masing-masing menerima RM100,000.

"Tujuan utama MBI menaja kedua-dua sukan ini adalah untuk merealisasikan perancangan mereka termasuklah mempersiapkan atlet SUKMA dari segi latihan dan peralatan yang diperlukan.

"MBI juga mahu membantu memperkasakan pelapis negeri dan membantu meneruskan pencarian bakat baharu yang berpotensi," katanya pada 24 Jun.

Hadir sama, EXCO Sukan Najwan Halimi yang mengalu-alukan kerjasama korporat terutamanya swasta dan anak syarikat Kerajaan Selangor dalam usaha memartabatkan sukan negeri.

Marcus Lim pemain Malaysia terbaik

Rahil Gangjee juara golf masters

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**

PETALING JAYA - Pemain India Rahil Gangjee menjuarai Kejohanan Golf PKNS Selangor Masters 2024, mengatasi saingan pemain Australia Deyen Lawson di Kelab Golf Seri Selangor di sini.

Mendahului pertandingan yang disertai 144 peserta, Rahil sejak hari pertama mencatat 272 pukulan lapan bawah par mengatasi Lawson yang mengumpul 273 pukulan tujuh bawah par.

Beliau membawa pulang wang tunai RM144,335.62 berserta trofi yang di-

sampaikan Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah dalam kejohanan empat hari mulai 19 Jun.

Pemain amatir lelaki negara Marcus Lim yang menduduki tempat ketiga hasil 274 pukulan enam bawah par pula dinobatkan sebagai Pemain Terbaik Malaysia PKNS Master 2024.

Juara Piala Supra 2023 Jelajah Toyota itu membawa pulang wang tunai RM10,000. Pemain golf profesional muda negara, Muhammad Danial Faiz pula dinobatkan sebagai Amatir Terbaik.

Tengku Amir Shah berkenan menerima cek cura bernilai RM300,000 sum-

bangkan Sime Darby Property kepada Yayasan Raja Muda Selangor yang disampaikan Pengarah Urusannya Dato' Azmir Merican.

Turut berlangsung, Kejohanan Golf Junior Antarabangsa Selangor 2024 antara 12 hingga 15 Jun yang menyaksikan 123 pemain berentap kategori individu dan berkumpulan lelaki dan perempuan.

Sebelum ini, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari memberitahu acara berkenaan menjadi platform mencungkil bakat baharu dalam sukan tersebut.

Gilap pelapis pelumba basikal

SHAH ALAM - Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) bercadang untuk menjadikan Perlumbaan Antarabangsa Selangor (SIR) acara tahunan sekali gus menggilap lebih ramai bakat pelapis.

Menurut Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Korporat) PKNS Suhaimi Kasdon, penganjuran kali kedua itu memberi peluang pelumba tempatan bersaing dengan peserta pelbagai negara lain.

"PKNS banyak anjur kejohanan sukan seperti badminton, golf dan terkini berbasikal. Kita mahu PKNS dikenali bukan sahaja pemaju hartanah tetapi penganjur kejohanan bertaraf antarabangsa.

"Ini antara usaha semarakkan sukan di Malaysia khususnya Selangor. Kita sentiasa menyokong pembangunan sukan dan mahu menjadikan acara ini setanding perlumbaan basikal lain," katanya.

Pada 23 Jun, Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah berkenan melepaskan 1,000 pelumba kejohanan sejauh 145 kilometer merentasi lebuhraya, laluan berbukit dan projek perbandaran PKNS.

Suhaimi juga memberitahu kejohanan tersebut mendapat sambutan baik, malah bilangan penyertaan pelumba luar negara meningkat berbanding penganjuran pertama kali pada tahun lepas.

Selangor FC tangga kedua liga

SHAH ALAM - Selangor FC melonjak ke kedudukan kedua Liga Super selepas menewaskan Perak FC 2-1 di Stadium MBPJ, Petaling Jaya pada 23 Jun.

Dua gol Ronnie Fernandez pada babak pertama sudah cukup untuk menghidhikan tiga mata buat skuad kendalian Nidzam Jamil walaupun pasukan pelawat cuba merapatkan jurang menerusi jaringan Muhammad Nur Azfar Fikri Azhar.

Red Giants turut beraksi dengan 10 pemain dalam babak kedua selepas tonggak tengah muda dari Ghana Alex Agyarkwa dilayangkan kad merah pada minit ke-64.

Selangor FC akan bertemu Kuala Lumpur City FC bulan depan.

Kedudukan negara meningkat ke-135

SHAH ALAM - Skuad Harimau Malaya di kedudukan ke-135, melonjak tiga anak tangga berdasarkan kemas kini terbaharu Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (Fifa) pada 20 Jun.

Pasukan kebangsaan kendalian Kim Pan Gon memperoleh tambahan 13.04 mata untuk mengumpul keseluruhan 1,107.58 mata sekali gus meningkat daripada posisi ke-138 sejak 4 April, lapor Bernama.

Peningkatan tersebut susulan pencapaian Malaysia dalam saingan Kumpulan D pusingan kedua Kelayakan Piala Dunia 2026/Piala Asia 2027 dengan masing-masing seri 1-1 dengan Kyrgyzstan dan mengatasi Taiwan 3-1 awal bulan ini.

Juara Piala Dunia 2022, Argentina, Perancis dan Belgium mengekalkan kedudukan tiga teratas manakala Brazil keempat.



KAMRI KAMARUDDIN
Bukit Antarabangsa

bersama sukarelawan ketika program korban di Taman Ampang Indah, Ampang Jaya

JAMALIAH JAMALUDDIN
Bandar Utama

bersama petugas rawang sempena Aidiladha di Pentas Sukan Kayu Ara, Petaling Jaya



DATUK RIZAM ISMAIL
Sungai Air Tawar

meninjau bengkel motor roda tiga di kawasan DUN beliau

ABBAS AZMI
Seri Serdang

meninjau kerja baik pulih sekolah di Seri Serdang, Subang Jaya



SYED AHMAD ALHADAD
Lembah Jaya

memberi sumbangan ketika ziarah penduduk di sekitar Ampang Jaya

DANIAL AL-RASHID
Batu Tiga

menyampaikan anugerah pelajar cemerlang SPM 2023 di DUN beliau



PUA PEI LING
Bukit Lanjan

beriadah bersama penduduk di Taman Botani Kepong, Gombak

PANG SOCK TAO
Kuala Kubu Baharu

merasmikan program kelas pengucapan awam di Kerling, Hulu Selangor



Selangor sasar raih 61 emas SUKMA, tiga terbaik

SHAH ALAM - Selangor menyoar kutipan 61 pingat emas dalam temasya Sukan Malaysia (SUKMA) ke-21 di Sarawak dari 17 hingga 24 Ogos.

EXCO Sukan Najwan Halimi berkata pihaknya yakin Selangor berada pada kedudukan tiga teratas jika sasaran itu dicapai.

"Kita menetapkan sasaran kutipan 61 pingat emas dalam semua 37 jenis su-

kan yang dipertandingkan. Namun, sekiranya lebih kutipan pingat emas, kita bersyukur.

"Dengan kutipan 61 pingat emas ini, Insha-Allah melayakkan Selangor berada pada kedudukan ketiga teratas," katanya selepas merasmikan Kejujutan Pickleball Jemputan PREC 2024 dan Gelanggang ARENA A.T.A.S di pusat



beli-belah SACC pada 22 Jun.

Mengulas senarai akhir atlet yang bakal ke temasya dwitahunan itu, Najwan berkata ia dijangka diumumkan awal bulan depan.

"Senarai atlet kita akan umum awal Julai nanti kerana buat masa ini semua atlet giat melakukan latihan intensif bagi memastikan

mereka benar-benar bersedia fizikal dan mental.

"Ia juga bergantung kepada prestasi dan penilaian jurulatih terhadap tahap kecerdasan dan prestasi masing-masing bagi mempersiapkan diri ke temasya itu nanti," jelasnya.

Pada SUKMA 2022 kontinjen Selangor ketiga mengutip 31 emas, 55 perak dan 44 gangsa.

Pasang penghadang baharu

Jaga keselamatan penduduk

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**

SUBANG JAYA - Dewan Undangan Negeri (DUN) Subang Jaya memperuntuk RM53,648.50 bagi menaik taraf prasarana sukan di padang awam USJ11 dan gelanggang bola keranjang SS17.

Wakil rakyatnya Michelle Ng Mei Sze memberitahu pemasangan penghadang bola dua kawasan berkenaan bertujuan



bagi memastikan keselamatan pengunjung sepanjang bersukan.

"Saya terima permohonan ini daripada masyarakat pada pilihan raya Ogos lalu yang memaklumkan perlunya penghadang bola kerana jarak antara padang dan laluan pejalan kaki agak dekat.

"Mengambil kira keperluan penduduk, saya tunaikan janji memasang penghadang bola berikutan kedua-dua kemudahan awam ini menjadi lokasi tumpuan beriadah pada pagi dan petang.

"Menggunakan peruntukan ahli dewan negeri, di padang awam USJ 11 kos pembinaan RM19,591 manakala di gelanggang bola keranjang SS17 kos naik taraf RM34,057.50," katanya pada 21 Jun.

Penduduk Shirley Chin, 75, berterima

kasih atas keprihatinan wakil rakyat itu yang memasang penghadang kerana beliau pernah terkena bola ketika sedang berjalan di padang berkenaan.

"Dua kali saya terkena bola di bahu pada awal tahun ini sehingga mengakibatkan skrin telefon bimbit retak kerana terjatuh.

"Dengan adanya penghadang bola ini, keselamatan penduduk lebih terjamin selain mengelak bola terkena kereta di kawasan berhampiran," katanya.

Saran anjur kitar semula

SUBANG JAYA - KDEB Waste Management (KDEBWM) mengalu-alukan insiatif menggalakkan budaya kitar semula di setiap dewan undangan negeri (DUN).

Pengarah Urusannya Dato' Ramli Mohd Tahir berkata pihaknya sentiasa menyokong usaha berkaitan ke arah mengurangkan sampah yang dibuang ke tapak pelupusan.

Beliau berkata inisiatif seumpama itu wajar dicontohi DUN lain ke arah meningkatkan kesedaran amalan kitar semula dalam kalangan penduduk.

"Ini usaha yang sangat membantu mengurangkan sampah dibuang ke tapak pelupusan sampah. Kepentingan kitar semula mungkin dipandang ringan namun kesannya besar kepada

alam sekitar dan ia sebenarnya perlu bermula dengan sekecil-kecil usaha.

"Jadi semua pihak diseru peka dengan sensitiviti alam sekitar dan KDEBWM sedia bekerjasama dengan mana-mana pihak DUN untuk merealisasikan hasrat ini," katanya dalam sidang media mengenai perluasan program kitar semula anjuran Dewan Undangan Negeri (DUN) Subang Jaya.

Wakil rakyat Michelle Ng Mei Sze memaklumkan program kitar semula kerjasama pihaknya dengan KDEBWM akan diperluas melibatkan keseluruhan kawasan USJ 1 hingga USJ 22.

Ia susulan hasil kutipan memberangsangkan melibatkan hampir 140,000 kilogram barangan kitar semula sejak Januari hingga bulan lalu.

Tertinggi terima pelancong

SHAH ALAM - Selangor mencatat ke-10 teratas dalam menerima pelancong domestik tertinggi bagi tahun ketiga berturut-turut dengan rekod 27.6 juta pengunjung pada 2023.

Menurut ketua pegawai eksekutif Tourism Selangor, angka berkenaan mengatasi negeri lain termasuk Kuala Lumpur pada kedudukan kedua (22.2 juta) diikuti Sarawak (17.9 juta).

Azrul Shah Mohamad menjelaskan kira-kira 10 juta pengunjung domestik ke Selangor pada 2021 dan bilangan terse-

but bertambah kepada 22 juta pada tahun berikutnya.

"Pertumbuhan yang mampan ini meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Selangor dengan ketara, menyumbang RM 2.571 bilion pada 2023," kata beliau dalam kenyataan baru-baru ini.

Katanya, prestasi itu membuktikan kejayaan kempen pelancongan domestik "Nak Bercuti? Pusing Selangor Dulu!" yang mempromosi 10 segmen pelancongan meliputi sembilan daerah di Selangor.



Distinctively IJM

NIKMATI ALAM SEMULA JADI DI TENGAH KOTA

Rumah Berkembar untuk Dijual


Unit Bumiputera



Sierra Ukay Sdn Bhd 200401035353 (673863-K)
Tingkat Bawah, Wisma IJM, Jalan Yong Shook Lin, 46050 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

019 268 4648 | sierrahijauan | ijmland | sierrahijauan.my

Fasa 2E Pemaju: Sierra Ukay Sdn Bhd 200401035353 (673863-K) • Tingkat Bawah, Wisma IJM, Jalan Yong Shook Lin, 46050 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan • Tel: 03-7952 9848 Faks: 03-7952 9848/9091 • Jenis: Rumah Berkembar 21/2 Tingkat dan Rumah Seesbuah 3 Tingkat • No. Lesen Pemaju: 10296/10-2027/1186(A) • Tarikh Sah: 31/10/2022-30/10/2027 • No. Permit Iklan dan Jualan: 10296-6/02/2025(N)-S • Tarikh Sah: 28/02/2023-27/02/2026 • Pihak berkuasa yang meluluskan Pelan Bangunan: Majlis Perbandaran Ampang Jaya • No. Kelulusan Pelan Bangunan: MPAJ.BS.KB.740/1/2-11/12-3 • Pegangan Tanah: 99 Tahun • Tarikh Tamat Tempoh: 6 Januari 2114 • Sekatan Kepentingan: Tanah ini tidak boleh dipindahkan, dipajak atau ditukar tanpa kelulusan Pihak Berkuasa Negeri • Bebanan Tanah: Tiada • Tarikh dijangka siap: Mac 2026 • Jumlah Unit: 24 (Rumah Berkembar 21/2 Tingkat) • Harga Jualan: RM3,033,800 (Minima) RM3,275,800 (Maksima) • Jumlah Unit: 1 (Rumah Seesbuah 3 Tingkat) • Harga Jualan: RM 4,420,800 (Minima/Maksima) • Diskaun untuk Bumiputera: 7% **Fasa 2H Pemaju:** Sierra Ukay Sdn Bhd 200401035353 (673863-K) • Tingkat Bawah, Wisma IJM, Jalan Yong Shook Lin, 46050 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan • Tel: 03-7952 9848 Faks: 03-7952 9848/9091 • Jenis: Rumah Teres 2 Tingkat dan Rumah Teres 3 Tingkat • No. Lesen Pemaju: 10296/10-2027/1186(A) • Tarikh Sah: 31/10/2022-30/10/2027 • No. Permit Iklan dan Jualan: 10296-6/02/2025(N)-S • Tarikh Sah: 28/02/2023-27/02/2026 • Pihak berkuasa yang meluluskan Pelan Bangunan: Majlis Perbandaran Ampang Jaya • No. Kelulusan Pelan Bangunan: MPAJ.BS.KB.740/1/2-11/12-3 • Pegangan Tanah: 99 Tahun • Tarikh Tamat Tempoh: 6 Januari 2114 • Sekatan Kepentingan: Tanah ini tidak boleh dipindahkan, dipajak atau ditukar tanpa kelulusan Pihak Berkuasa Negeri • Bebanan Tanah: Tiada • Tarikh dijangka siap: Mac 2026 • Jumlah Unit: 12 (Rumah Teres 21/2 Tingkat) • Harga Jualan: RM2,045,800 (Minima) RM2,263,800 (Maksima) • Jumlah Unit: 66 (Rumah Teres 2 Tingkat) • Harga Jualan: RM 1,805,800 (Minima) RM2,248,800 (Maksima) • Diskaun untuk Bumiputera: 7% **Fasa 2F Pemaju:** Sierra Ukay Sdn Bhd 200401035353 (673863-K) • Tingkat Bawah, Wisma IJM, Jalan Yong Shook Lin, 46050 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan • Tel: 03-7952 9848 Faks: 03-7952 9848/9091 • Jenis: Rumah Berkembar 21/2 Tingkat dan Rumah Seesbuah 3 Tingkat • No. Lesen Pemaju: 10296/10-2027/1186(A) • Tarikh Sah: 31/10/2022-30/10/2027 • No. Permit Iklan dan Jualan: 10296-6/02/2025(N)-S • Tarikh Sah: 28/02/2023-27/02/2026 • Pihak berkuasa yang meluluskan Pelan Bangunan: Majlis Perbandaran Ampang Jaya • No. Kelulusan Pelan Bangunan: MPAJ.BS.KB.740/1/2-11/12-3 • Pegangan Tanah: 99 Tahun • Tarikh Tamat Tempoh: 6 Januari 2114 • Sekatan Kepentingan: Tanah ini tidak boleh dipindahkan, dipajak atau ditukar tanpa kelulusan Pihak Berkuasa Negeri • Bebanan Tanah: Tiada • Tarikh dijangka siap: Ogos 2026 • Jumlah Unit: 2 (Rumah Berkembar 3 Tingkat) • Harga Jualan: RM4,194,800 (Minima) RM4,241,800 (Maksima) • Jenis SD3 - Jumlah Unit: 2 (Rumah Berkembar 3 Tingkat) • Harga Jualan: RM3,794,800 (Minima/Maksima) • Jenis SD4 - Jumlah Unit: 12 (Rumah Berkembar 21/2 Tingkat) • Harga Jualan: RM3,297,800 (Minima) RM3,742,800 (Maksima) • Jenis BA2 - Jumlah Unit: 1 (Rumah Seesbuah 3 Tingkat) • Harga Jualan: RM4,878,800 (Minima/Maksima) • Diskaun untuk Bumiputera: 7% **IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA**



Selangor FC teliti tindakan lanjut

SHAH ALAM - Selangor FC sedang meneliti dan mengkaji semua saluran berseesuaian sebelum mengambil tindakan seterusnya berhubung hukuman yang dikenakan Liga Bolasepak Malaysia (MFL).

Badan pengelola Liga Malaysia memaklumkan skuad Gergasi Merah didenda susulan tidak beraksi pada Piala Sumbangsih menentang Johor Darul Ta'zim (JDT) di Stadium Sultan Ibrahim pada 10 Mei.

"Pihak kelab mengambil maklum akan keputusan MFL tentang kes ketidakhadiran Selangor FC ke perlawanan Piala Sumbangsih.

"Pihak kelab telah memohon penangguhan perlawanan tersebut selepas kes jenayah serangan asid terhadap Faisal Halim pada 5 Mei dan beberapa insiden lain membabitkan pemain bola sepak tanah air, namun ia ditolak," katanya pada 25 Jun.

Gesa bantahan kepada MFL

SHAH ALAM - Selangor FC digesa membantah hukuman Liga Bolasepak Malaysia (MFL) terhadap pasukan itu kerana tidak beraksi menentang Johor Darul Ta'zim (JDT) dalam Piala Sumbangsih.

EXCO Sukan Najwan Halimi memberitahu keputusan tersebut bersifat menekan, tidak adil dan membelakangkan semangat kesukanan dalam arena bola sepak tempatan.

"Saya telah berhubung dengan pihak pengurusan Selangor FC dan menggesa mereka agar mengemukakan bantahan terhadap keputusan ini," katanya di laman X pada 25 Jun.

Shahril lepas semua jawatan dalam FAM

SHAH ALAM - Timbalan Presiden Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS) Datuk Seri Shahril Mokhtar membuat keputusan mengejut melepaskan kesemua jawatannya dalam Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) berkuat kuasa serta-merta.

Beliau yang memaklumkan keputusan berkenaan pada 26 Jun turut menafikan tindakan itu berkaitan dengan hukuman terhadap Selangor FC.

"Saya dah maklumkan Presiden FAM Datuk Hamidin Mohd Amin pagi tadi, saya letak semua jawatan dalam FAM serta-merta, (namun) sebab peletakan jawatan, biarlah saya dengan FAM dan Hamidin (sahaja yang tahu).

"Tiada (kena mengena dengan mana-mana isu), saya memikirkannya sudah lama, bukan seminggu dua, elok fokus pada kelab dan FAS," katanya lapor Bernama.



CERIA... Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Korporat) Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) Suhaimi Kasdon (belakang, empat, kiri) bersama pemenang kejohanan Perlumbaan Antarabangsa Selangor 2024 di ibu pejabat PKNS, Shah Alam pada 23 April. Foto MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN ▶ BERITA MUKA 21

Sidang dewan 4 hingga 18 Julai

Kajian separuh penggal RS-1

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

SHAH ALAM - Kajian Separuh Penggal Rancangan Selangor Pertama (RS-1) akan dibentangkan dalam sidang Dewan Negeri Selangor (DNS) yang dijadual berlangsung selama dua minggu mulai 4 Julai.

Speaker Lau Weng San memberitahu pembentangan tersebut termasuk laporan Kawasan Pembangunan Sabak Bernam (SABDA) dan Projek Wilayah Pembangunan Bersepadu Selangor Selatan (IDRISS).

Beliau menambah kemajuan pembangunan Gerbang Maritim Selangor (SMG) bagi menjayakan projek pemuliharaan

Sungai Klang sepanjang 56 kilometer turut disentuh dalam kajian berkenaan.

"Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari akan membentangkan kajian berkenaan yang meliputi semua perkara termasuk SABDA dan IDRISS pada hari pertama sidang dewan," katanya pada 20 Jun.

RS-1 yang dibentangkan dua tahun lalu menggariskan 14 petunjuk makro bagi mencapai keseimbangan antara pertumbuhan ekonomi dan peningkatan kualiti kehidupan rakyat.

Pelan yang bertujuan menangani cabaran semasa digerakkan menerusi empat teras, lima pemangkin dasar dan 262 projek serta inisiatif melalui 19

pemacu perubahan.

Empat teras strategik RS-1 meliputi pengukuhan sektor ekonomi, membina kesejahteraan rakyat dan keterangkuman sosial, memacu agenda kelestarian serta peningkatan kecekapan tadbir urus.

Weng San juga menambah istiadat angkat sumpah wakil rakyat baharu Kuala Kubu Bharu Pang Sock Tao yang menang pilihan raya kecil pada Mei juga diadakan dalam persidangan kali ini.

Siaran langsung DNS boleh ditonton menerusi selangortv.my dan Facebook Media Selangor manakala laporan perbincangan wakil rakyat juga boleh diikuti secara harian melalui portal selangorkini.my.

Sasar 75 peratus pemutihan tahfiz

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri menyasar 75 peratus daripada 724 institusi tahfiz persendirian (ITP) di Selangor menyertai program pemutihan bawah Jabatan Agama Islam Selangor (Jais).

EXCO Agama Islam Dr Mohammad Fahmi Ngah berkata pendaftaran program berkenaan boleh dibuat di laman sesawang Persatuan Institusi Tahfiz Al-Quran Selangor (Pitas) hingga Disem-

ber ini.

"Kini ITP tumbuh seperti cendawan, ada yang beroperasi di gudang dan rumah kedai. Jadi, program ini penting bagi membantu ITP mendapatkan lesen sekali gus menjamin keselamatan pelajar dan guru ketika di premis.

"Penyertaan ITP juga memudahkan Jais menyalurkan bantuan sekiranya berdepan mereka masalah seperti kekura-

ngan tenaga pengajar dan pembayaran gaji," katanya selepas merasmikan pusat data Jais di sini pada 21 Jun.

Dr Fahmi menambah, pendaftaran ITP dalam program berkenaan membolehkan permohonan pemutihan dikemukakan kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk tujuan kelulusan Kebenaran Merancang Tempoh Terhad (KMTT).